

Untuk Ibu bapa.

PROFIL PEROGOL DI KUALA LUMPUR

Sayang selalu, Ibu.
Banyak yang tahu,
Adalah dayi mengajar,
Maruah yang berkuasa.
Adalah para pengajar,
Hari ini hari esok kita.

OLEH

RUMINI BT KHAMIS

Bersama-sama kita sedih dan lalu
050799
Untuk nostalgia memudahkan hidup
hari ini hari beserianan kita

Sapulah airmatamu, Ibu.
Latihan Ilmiah bagi memenuhi sebahagian
daripada syarat-syarat untuk Sarjana Muda
Jangan kita tidak boleh lemah
Sastera.

Sapulah airmatamu
Hari ini kita bersama mencipta legenda
Kita buat negah sayang

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1988/89

Juga teristimewa untuk Abang Jan, Abu Jie,
Kak Jun dan Abang Diksan, terima kasih.
Masih sayang yang kalian berikan.

Sayang selalu,
Adik

DAFTAR MURABAHAT DAN KAJIAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
3.1 Pendahuluan	46 - 49
BAB 1 PENGENALAN	50 - 53
3.2 Sumber dan sumber	53 - 58
1.1 Latarbelakang	1 - 5
1.2 Bidang kajian	5 - 7
1.3 Tujuan kajian	7 - 9
1.4 Teknik penyelidikan	9 - 11
1.5 Masalah ketika kajian	11 - 13 - 69
3.2 Hubungan sumber dengan perogol	70 - 74
3.3 Ketugasan dan kaedah setiap perogol	75 - 79
BAB 2 JENAYAH ROGOL	
BAB 3 KESIMPULAN	80 - 92
2.1 Konsep jenayah	14 - 15
2.2 Definisi rogol	16 - 21
2.3 Bentuk-bentuk perogol	21 - 29
i) Perogol bertujuan kejam/agresif	
ii) Perogol bertujuan seks	
iii) Perogol campuran seks-agresif	
iv) Perogol Impulsif	
2.4 Teori Kawalan	29 - 45
i) Attachment (Pertalian)	
ii) Commitment (Penglibatan)	
iii) Involvement (Partisipasi)	
iv) Belief (Kepercayaan)	

BAB 3 PROFIL PEROGOL DAN IKATAN SOSIAL

Jadual 3.1: Profil perogol dan ikatan sosial

3.1 Taraf perkahwinan	46 - 49
3.2 Taraf pekerjaan/sosio-ekonomi	49 - 53
3.3 Bangsa dan agama	53 - 58
3.4 Umur/st perkerjaan/sosio-ekonomi	58 - 64

BAB 4 KESEMPOATAN

Jadual 4.1: Tempat dan masa kejadian

4.1 Tempat dan masa kejadian	65 - 69
4.2 Hubungan mangsa dengan perogol	70 - 74
4.3 Ketagihan dan kaedah melakukan perogolan	74 - 79

Jadual 5: Umur perogol

BAB 5 KESIMPULAN

Jadual 6: Umur mangsa

Jadual 7: Tempat kejadian

Jadual 8: Masa antara mangsa & *****

Jadual 9: Gejala mangsa (Perogol yang dikenali)

Jadual 10: Kuperapan melakukan seks

Jadual 11: Kandah yang digunakan

SENARAI JADUAL

MUKASURAT

Jadual 1 Taraf perkahwinan perogol	46
Jadual 2 Taraf pekerjaan/sosio-ekonomi	50
Jadual 3 Perogol mengikut bangsa	54
Jadual 4 Status perkahwinan mengikut bangsa	55
Jadual 5 Umur perogol	60
Jadual 6 Umur mangsa	63
Jadual 7 Tempat kejadian	67
Jadual 8 Hubungan mangsa dan perogol Untuk taraf perkahwinan perogol	71
Jadual 9 Pecahan hubungan (Perogol Untuk status perkahwinan dan bangsa perogol yang dikenali)	72
Jadual 10 Kekerapan melakukan seks	76
Jadual 11 Kaedah yang digunakan	77

GAMBARAJAH

MUKASURAT

G/rayah 1 Hirshi Model of Delinquency	43
G/rayah 2 Hirshi Original Model	44
G/rayah 3 Faktor-faktor Pendorong	45
Lampiran 1 Graf peratusan bangsa dan status perogol	93
Lampiran 2 Graf taraf perkahwinan perogol	94
Lampiran 3 Graf status perkahwinan dan bangsa perogol	95

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu syukur alhamdulilah kerana saya telah dapat menyelesaikan Latihan Ilmiah ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terimakasih kepada pihak Polis Diraja Malaysia terutama sekali kepada PP Nadarajah, Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (P), Ibu Pejabat Kontinjen K.Lumpur dan kakitangan Jabatan Siasatan Jenayah IPK diatas kerjasama mereka.

Tidak dilupakan juga kepada penyelia saya, Encik Hadi Zakaria yang bersusah payah menyemak kandungan latihan ilmiah ini.

Juga kepada teman-teman seperjuangan khasnya "Kumpulan Bersukaria" yang sama-sama membantu saya. Kalian akan tetap saya ingati selalu. Semoga kita semua akan berjaya dalam bidang masing-masing.

Akhirkata jutaan terimakasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyelesaikan latihan ilmiah ini.

SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini dibuat khusus untuk mengkaji tentang profil perogol yang mana kawasan kajian ialah di Kuala Lumpur. Didalam kajian ini ditumpukan aspek-aspek status perkahwinan, status ekonomi, bangsa, umur, perhubungan antara mangsa dan perogol dan sebagainya.

Daripada data-data yang diperolehi mengenai aspek-aspek tersebut, pengkaji akan menggunakan beberapa teori khasnya Teori Kawalan oleh Travis Hirshi. Disamping itu pengkaji juga menggunakan pendapat-pendapat Ahli Sosiologi dan Criminologi seperti Steven Box, R. Merton, E. Sutherland dan ramai lagi.

Setelah makulat-maklumat diperolehi, ianya akan dianalisa. Seterusnya hasil daripada penganalisaan ini akan dibandingkan dengan hasil-hasil kajian yang telah dilakukan sebelumnya sama ada oleh pengkaji tempatan atau pengkaji Barat.

JANDA 6 ANAK CUBA DI PERKOSA

MAS: Janda enam anak, Puan Chum binti Gandak ceritakan bagaimana

Polis masih siasat kes suri rumah dibunuuh ketika selamatkan anak dari diperkosa

KAJANG 2 Okt. — Polis masih menjalankan siasatan berhubung dengan kes pembunuhan seorang suri rumah yang dikatakan cuba menyelamatkan anak gadisnya daripada diperkosa oleh sekurangnya dua orang yang mungkin

BICARA EMPAT LELAKI DITUDUH ROGOL DITANGGUH

KUANTAN 22 Nov. — Perbicaraan kes rogol gadis berusia 20 tahun lalu ditangguhkan oleh empat lelaki kira tujuh tahun lalu di Mahkamah Tengah di sini hari ini. Kepada 2 Mac tahun depan.

Kes ini disebut semula hari ini di hadapan hakim Puan Hoe Siew Kheng dan pegawai pendakwa kes, Haji Abdul Malek Haji Abdul Rashid dan peguam bagi empat lelaki tersebut, Datuk Mahinder Singh, Enpat Icakai berkenaan, Zakaria Ngah, 28 tahun, Mohd. Saud Awang, 28, Abdul Ghani Awang Yusof, 29 dan Abdul Jabbar Mohamad, 28, didakwa merogol sebuah ramah yang tidak bernombor di lantai lantai itu antara jam 6.00 pagi hingga 7.00 malam 28 April

Merca petang 1961.

Oleh: Zainuddin Hashim

Kerana itu, beliau mendekati cerai di Mahkamah Segamat. Beliau dice-

Pernah Puan Chum pergi untuk membasuh kain di rumah sebuah keluar-

pula setelah 10 tahun mendirikan rumahnya. Tetapi menya-

u Bicara kes bapa rogol anak ditangguh

KOTA BHARU, Khamis — Mahkamah Tengah di sini hari ini menangguhkan perbicaraan orang bapa yang dituduh merogol anaknya sendiri yang berumur 14 tahun kerana seorang saksi kes itu tidak dapat dibungti.

Penjual ubat tradisional, Abdul Rahim Abdul Hamid, 55, tuduh melakukan kesalahan di sebuah rumah tanpa nomor di Lorong Kubor, kilometer 14 Jalan Kota Bharu-Kuala Kepong, Machang di antara November 1984 dan 30 Jun 1986.

Dia dituduh mengikuti Seksyen 376 Kanun Keseksualan dan jika sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 20 tahun atau disebat dengan

BICARA KES ROGOL: TERTUDUH BERITAHU ISTERINYA LEBIH CANTIK

MUAR 16 Okt. — Seorang lelaki di Mahkamah Tengah di sini bahawa dia telah merogol seorang suri rumah warganegara Filipina sambil menegaskan isterinya sendiri lebih cantik dari pengadu.

Musa Abdullah, 43, mengakui tuduhan pengadu ke atasnya adalah tidak benar dan beliau tidak melakukan perbuatan itu kerana isterinya lebih cantik daripada wanita tersebut.

Dia dituduh merogol seorang suri rumah berusia 29 tahun di rumah pengurusan ladang Air Manik, Bakri di sini pada 29 Disember tahun lalu antara jam 2 pagi hingga 5 pagi.

Tertuduh diwakili oleh peguamnya Encik Yahya Abdul Rahman manakala pegawai pendakwa Inspektor Zul Haji Elias menjalankan pertuduhan di hadapan hakim Mahkamah Puan Lau Bee Lan.

Musa yang memiliki sebaik sahaja Yatim mengarahkannya berkata, dia tidak tahu makian berkata, dia

DIPENJARA 8 TAHUN KERANA ROGOL ANAK SENDIRI

KUANTAN 22 Nov. — Seorang bapa dari Kampung Kuala Pontian, Kuala Rompin, Pahang, Mustafa Sudin, 50, telah dijatuhi hukuman penjaran lapan tahun oleh Mahkamah Tengah Kuantan di sini semalam, setelah didapati bersalah merogol anaknya sendiri. Mahkamah tersebut memerintahkan hukuman itu berkukuasa dari tarikh dia ditangkap pada 12 September tahun lalu.

Mustafa dituduh merogol anaknya berusia 12 tahun itu di antara pertengahan bulan Jun 1986 sehingga pertengahan bulan Julai tahun lalu di sebuah rumah di Jalan Masjid Lama Kuala Pontian, Rompin.

Polis tahan rakyat . . . dipisyaki rogol anak tiri

KOTA KINABALU, Khamis — Polis menahan seorang lelaki rakyat Filipina yang disyaki merogol anak tirinya berumur 12 tahun berhampiran sungai di Kampung Mansiang. Menggatal, dekat sini, pada 8 November lalu.

Lelaki itu berumur 35 tahun dan mempunyai enam anak, empat daripadanya hasil perkahwinan dengan isteri pertama yang sudah diceraikan.

Pegawai Siasatan Jenayah Daerah, Penolong Penguasa An-

Lelaki itu menyuruh adik si mangsa memegang tangan mangsa.

Dia kemudian dikatakan membawa kayu berhampiran sungai itu dan mangsa itu dikatakan cuba melawatna di sana dianggap hendak dipukul jika mela-

Dia kemudian dikatakan membuka itu dan merogolnya.

Beberapa hari kemudian si mangsa

Sejak kebelakangan ini, kes-kes rogol sudah menjadi semacam satu penyakit sosial yang sukar diubati dalam masyarakat kita. Sama ada kita sedar atau tidak, boleh dikatakan hampir setiap hari terdapat berbagai jenis kes rogol yang dilaporkan dan didedahkan menerusi akbar-akbar atau media massa.

Pada keseluruhannya dalam tempoh 10 tahun iaitu dari 1977-1986, laporan kejadian rogol di Malaysia telah meningkat dua kali ganda daripada 303 kes (1977) meningkat kepada 688 (1986).¹ Laporan-laporan kejadian rogol ini tidak termasuk jumlah kejadian rogol yang tidak dilaporkan oleh mangsa atau lebih dikenali sebagai "dark figure". Kejadian keadaan ini mungkin disebabkan oleh perasaan malu, takut, perogol adalah ahli keluarga mangsa atau oleh sebab-sebab yang lain. Walaubagaimanapun daripada jumlah kes rogol yang diketahui sudah cukup untuk memberi isyarat "lampa merah" (tahap merbahaya) kepada masyarakat supaya lebih berhati-hati.

Daripada kajian yang telah dijalankan dalam tempoh 7 tahun 9 bulan yang lalu (dari tahun 1980 hingga September 1987) didepati jumlah kejadian perogolan telah meningkat dari setahun ke setahun.² Pihak Polis telah dapat

¹ Majalah NONA, April 1988, muka surat 47

² Ibid. muka surat 47

5

menyelesaikan lebih daripada 50% kes-kes rogoi yang berlaku. Manakala sejumlah 2,137 orang penjenayah (perogoi) telah dibawa kemuka pengadilan. Jenayah ini tidak sahaja berlaku disekitar perogolan sahaja malahan ada juga kes yang dilapurkan menunjukkan bahawa mangsa itu telah dibunuh selepas dirogoi. Pembunuhan ini kemungkinan dilakukan untuk mengelakkan diri perogoi dikenali dan seterusnya diurus oleh pihak Polis. Sejak bulan Jun 1981 hingga 1986, sebanyak 2,604 kes rogoi telah dicatatkan dan daripada angka-angka itu sejumlah 52 mangsa telah dibunuh, 1,314 kes berjaya diselesaikan dan 1,516 yang lain ditahan.³ Bagi tempoh masa 1980 hingga September 1987, seramai 69 orang atau kira-kira 2% mangsa telah dibunuh.⁴

Selain daripada itu, aktiviti rogoi ini bukan sahaja melibatkan individu-individu yang tidak mengenali sesama mereka. Malahan 8% mangsa telah dirogoi oleh bapa sendiri, 2% dirogoi oleh bapa tiri, 7% oleh kekasih sendiri dan ada juga yang dirogoi oleh jiran-jiran atau majikan mereka.⁴ Kini kaum wanita sama ada kecil atau besar, tua atau muda sekali sentiasa terdedah kepada jenayah rogoi ini. NCWO juga telah menyedari bahawa kejadian rogoi dan paksaan perlakuan seks sesama darah keturunan (incest) telah berlaku

3 Ibid. NONA, April 1988 m/z 47

4. Majalah MASTIKA, Disember 1986

dengan sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan pihak yang berkuasa. Saatnya telah tiba supaya masyarakat menyedari bahawa:-

- Tanya bukanlah "Crime of Passion" (yang mana perbuatan ini pesalah dikatakan hilang kesedaran atas sebab kejadian yang sebab kemanusiaan. ini termasuk perbuatan ini akan membantu - Tanya adalah perlakuan ganas dan kejam kaum wanita ini - lelaki yang menonjolkan perangai kasar terhadap kaum wanita.
- Tanya juga adalah perlakuan yang ganas dan kejam yang dilakukan keatas orang-orang tua yang tidak berdaya.
- Perlakuan ganas dan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan terhadap kanak-kanak kecil dibawah umur.
- Tanya adalah satu perlakuan ganas terhadap kaum wanita muda, separuh umur yang terdiri daripada berbagai susun lapis masyarakat.

Perogol adalah manusia yang bermartabat rendah dan yang tidak berperikemanusiaan. Mereka tidak pernah atau sengaja tidak mahu memikirkan implikasi yang akan dihadapi oleh mangsanya apa lagi jika mangsanya adalah anaknya sendiri. Mereka seolah-olah hilang daya untuk berfikir, tidak kira wanita itu memakai purdah, seluar jeans, mini-skirt atau sebagainya.

Apa yang menjadi objektif atau matlamat utamanya ialah "memuaskan nafsu ganas" mereka tanpa menghormati peribadi kewanitaan mahupun kesucian kanak-kanak perempuan. Tanpa kesedaran masyarakat dan pihak berkuasa terhadap perhubungan seks sesama muhrim (incest) ini, selagi itulah kejadian yang dikutuk agama Islam ini terus berleluasa. Ini akan menimbulkan satu penyakit masyarakat yang serius dan runtuhnya nilai atau moral generasi yang akan datang.

Oleh kerana itu adalah perlu bagi masyarakat terutama golongan yang menjadi sasaran utama perogol supaya lebih berhati-hati dan mempersiapkan diri sebaik mungkin untuk mengelakkan diri dari menjadi mangsa perogolan. Reaksi yang timbul dalam masyarakat kata ini telah mendorong pihak berkuasa menggariskan beberapa strategi untuk mengurang dan seterusnya menghapuskan jenayah ini. Juga dengan teknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi yang ada.

1.2 Bidang kajian

Memandangkan jumlah kejadian-kejadian jenayah rogol ini semakin serius dan ianya merupakan satu penyakit masyarakat yang membimbangkan maka pengkaji telah berusaha untuk mengumpulkan sebanyak mungkin data atau maklumat daripada pihak Polis untuk mencari jawapan kepada persoalan ini.

Berdasarkan kajian-kajian yang yang telah dilakukan di negara-negara Barat seperti di United State dan Kanada mendapati bahawa umur, status ekonomi, bangsa, status perkahwinan dan sebagainya mempunyai kaitan dengan jenayah rogoj ini. Di United State misalnya, kajian yang dijalankan di Philadelphia menunjukkan bahawa kejadian rogoj ini mempunyai perkaitan yang ketara dengan status perkahwinan (marital status), status ekonomi, bangsa, umur dan sebagainya. Hasil daripada kajian itu mendapati kebanyakannya perogoj-perogoj secara amnya masih belum berkahwin (unmarried) — sama ada masih bujang, bercerai atau duda.

Disamping itu hasil kajian juga mendapati daripada 1,292 orang perogoj, 226 orang adalah dari bangsa kulit putih manakala 1,066 orang putus terdiri daripada bangsa kulit hitam (negro).⁵ Merosotannya mengapa orang kulit hitam lebih cenderung untuk melakukan jenayah ini? Adakah ini disebabkan oleh status ekonomi yang rendah atau ada sebab-sebab yang lain yang boleh menjadi pendorong kepada melakukan jenayah rogoj ini. Hasil kajian ini juga mendapati kesemua 1,066 orang kulit hitam (negro) itu tergolong dalam kategori yang berpendapatan rendah (low occupational group).

* Both the clinical case studies and the surveys of selected groups of offenders

dijadikan sebagai "guide line" dan perbandingan.

1.5. Masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian.

Pengkaji telah menghadapi berbagai kesulitan semasa menjalankan kajian. Kesulitan-kesulitan tersebut dapat dikategorikan kedalam 2 bahagian iaitu:-

- a) Kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji sendiri.
- b) Kesulitan yang dihadapi oleh pihak Polis.

Secara tidak langsung, kesulitan-kesulitan yang ditimbulkan oleh kedua-dua bahagian itu telah mengganggu perjalanan pengkajian pengkaji.

- a) Kesulitan pengkaji.

Antara kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji ialah pergantungan terhadap fail-fail pihak Polis. Maklumat-maklumat didalam fail itu adalah "sulit" dan maklumat-maklumat yang terkandung didalam fail itu tidak dapat menjawab kesemua persoalan yang ingin diketahui oleh pengkaji.* Maklumat-maklumat peribadi yang meliputi latarbelakang keluarga, latarbelakang perkahwinan (bagi yang tidak tercatit telah berkahwin), latarbelakang sosial dan sebagainya/

* Ketidak lengkapan data-data peribadi perogol telah menganggu perjalanan kajian kerana pengkaji tidak mempunyai cara lain untuk memperolehi maklumat itu.

Kegagalan memperolehi maklumat-maklumat ini telah membantu tukar usaha pengkaji untuk mengaitkan aktiviti rogo dengan sejarah latarbelakang hidupnya. Maklumat ini penting bagi pengkaji untuk melihat korelasi diantara sejarah latarbelakang hidupnya dengan tingkah lakunya. Mungkinkah sejarah latarbelakang itu boleh/menimbulkan perasaan dendam, marah, benci atau sebagainya kepada kaum wanita. Misalnya seorang kanak-kanak lelaki yang telah diseksual oleh ibu tirinya akan menyimpan perasaan dendam terhadap ibu tirinya dan kaum yang sejenis dengan ibu tirinya itu. Kemungkinan faktor ini menyebabkan individu berkenaan menganggap wanita itu sebagai "musuh". Pada pandangannya dengan melakukan jenayah ini dendamnya terbalas.

b) Kesulitan pihak Polis.

Oleh kerana maklumat-maklumat didalam fail itu adalah "sulit" (confidential) menyebabkan ia sukar diperolehi daripada tempat menyimpan fail di Ibupejabat Polis Bukit Aman. Oleh itu untuk memperolehi fail-fail itu pengkaji terpaksa menunggu sehingga berminggu-minggu. Ini jelas terjadi apabila dalam tempoh lebih kurang lima minggu, pengkaji hanya memperolehi 14 kes sahaja.

Selain daripada itu pengkaji hanya boleh mengkaji fail-fail penjenayah yang telah disahkan kesalahannya atau "convicted rape". Penjenayah-penjenayah ini telah didakwa di mahkamah dan telah menerima hukuman.

Memandangkan pengkaji tidak dapat menemuduga penjenayah atas sebab-sebab keselamatan, ini menyukarkan lagi bagi pengkaji untuk memperolehi maklumat tambahan. Sekiranya pengkaji ingin menggunakan pihak Polis sebagai "orang tengah" untuk menemuduga penjenayah-penjenayah itu, besar kemungkinan segala maklumat yang diperolehi itu "bias" atau menyeleweng daripada realitinya. Dengan ini pengkaji terpaksa bergantung hanya kepada 2 kaedah yang telah disebutkan tadi untuk memperolehi maklumat-maklumat tersebut.

Walau bagaimanapun pengkaji dan pihak Polis khasnya kakitangan Jabatan Jenayah, Ibupejabat Kontenjen Kuala Lumpur telah berusaha untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Disamping itu pengkaji juga menghadapi kesukaran memperolehi satu kajian tempatan mengenai profile perogol. Kajian awal ini boleh dijadikan "guide line" kepada pengkaji selain daripada ianya digunakan sebagai satu perbandingan. Dengan ketiadaan kajian tempatan ini, pengkaji tidak dapat membuat satu perbandingan untuk membuat satu kesimpulan/rumusan tentang profile perogol di Malaysia khasnya di Kuala Lumpur.

membezakan diantara jenayah Undang-undang umum (Conventional or street crimes), jenayah kolar putih dan perlanggaran atau penyelewengan jenayah.⁶ Penjenayah terhadap Undang-undang umum adalah perlanggaran atau kesalahan yang sebenar setiap individu melihat atau mengertikannya sebagai satu jenayah seperti membunuh, merogol, merompak dan sebagainya. Para peguam merujuk kes ini sebagai "mala in se" iaitu satu kejahatan yang timbul daripada diri sendiri.

Edwin H.Sutherland didalam kajianannya terhadap pengertian jenayah mengatakan bahawa walaupun perlakuan jenayah merupakan ekspresi terhadap keperluan asas manusia manusia dan nilai-nilai tetapi ia tidak diterangkan atau dijelaskan melalui keperluan-keperluan asas dan nilai-nilai tersebut kerana perlakuan yang bukan jenayah juga merupakan satu ekspresi terhadap keperluan-keperluan asas dan nilai-nilai yang sama. Sutherland juga menegaskan bahawa pergaulan atau perhubungan dengan kumpulan devian tertentu akan menyebabkan individu itu mempelajari teknik-teknik melakukan jenayah. Pengaruh media massa serta desakan untuk mendapat keperluan asas seperti kemewahan, kepuasan, kemudahan merupakan salah satu faktor yang mempercepatkan individu itu melakukan jenayah atau penyelewengan.

⁶ Utusan Malaysia, artikel oleh Samsila Hanafi, 4/10/1987
(Peraturan majikan rogol yang berlaku di Malaysia ialah 2 kec sehari)

⁷ Majalah EKSPRESI, September 1987, n/s 17

2.2. Definisi rogol

Hampir setiap waktu akhbar-akhbar mahupun makalah-makalah akan menyiarkan tentang kekejaman keatas seseorang wanita.⁶ Biarpun kes penindasan wanita semakin meningkat terutamanya kes rogol. Adakah ini disebabkan oleh kelemahan kaum wanita maka mereka harus menerima nasib yang demikian?

Keganasan terhadap wanita khasnya kes rogol mempunyai skop yang luas. Ianya tidak terhad kepada hal-hal yang dilakukan oleh suami terhadap isterinya atau bapa terhadap anaknya. Keganasan juga menyangkut kepada beberapa hal kecil yang boleh menindas kaum wanita dari segi rohahiah mahupun batiniyahnya sendiri. Ia merupakan penyakit masyarakat yang sukar diubati.

Rogol merupakan suatu perbuatan ganas yang dilakukan atas dasar paksaan. Rogol tidak akan dilakukan kerana kerelaan wanita melainkan tanpa kerelaannya. Menurut Encik Mohd Mansur Abdullah seorang pakar kaunseling dari Universiti Teknologi Malaysia, rogol akan berlaku bila hubungan jenis dilakukan secara kasar.⁷ Mengasari wanita ketika itu juga bererti memaksa wanita untuk melakukan hubungan jenis sekalipun terhadap isterinya (tanpa kerelaan isteri). Oleh kerana itu tidak hairanlah sekiranya ramai

⁶ Utusan Malaysia, artikel oleh Normala Hamzah, 4/10/1987 (Purata kejadian rogol yang berlaku di Malaysia ialah 2 kes sehari)

⁷ Majalah KELUARGA. September 1987, m/s 17

wanita di Barat mengadu dirogol oleh suami masing-masing. Ramai ahli Psikologi Barat mengatakan bahawa wanita tidak menginginkan hubungan jenis dilakukan secara paksaan.

Perbuatan rogol merupakan sejenis kesalahan jenayah yang ditakrif di Seksyen 375 Kanun Keseksaan. Ia adalah kesalahan yang dilakukan oleh lelaki keatas perempuan dengan cara melakukan hubungan jenis (sexual intercourse) melalui salah satu daripada lima (5) keadaan berikut:-

- i) Bertentangan dengan kemauan perempuan itu,
- ii) Tanpa kerelaan perempuan itu,
- iii) Dengan kerelaannya tetapi kerelaan itu diperolehi dengan cara meletakkannya dalam keadaan ketakutan bahawa pembunuhan atau kecederaan akan berlaku,
- iv) Dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu tahu bahawa dia bukan suaminya dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu adalah suaminya.
- v) Dengan kerelaan atau tanpa kerelaan yang diberi oleh perempuan yang berumur dibawah 14 tahun.

"As a general rule, the term "forcible rape" means the carnal knowledge of a woman by a man, carried out against her will and without her consent, extorted by threat or fraudulence. Statutes may use either the wording "against her will" or "without her consent" or "by force"."

(Menachem Amir:1971 : 17)

Jarang sekali pihak media massa membentangkan tentang tahap dan peringkat-peringkat aktiviti rogol itu sendiri. Ia menggambarkan seolah-olah rogol itu timbul dengan mendadak sahaja. Ini adalah satu anggapan yang salah kerana aktiviti rogol adalah satu aktiviti yang terancang. Ianya melibatkan empat (4) peringkat yang begitu jelas dan dikenalpasti.

Peringkat pertama ialah menentukan mangsa. Perogol sememangnya telah membuat penentuan siapakah yang bakal menjadi mangsanya. Biasanya mereka memilih perempuan yang lemah, keseorangan dan tidak mendapat perlindungan dan penjagaan yang sempurna.* Setelah mangsa dikenalpasti barulah perogol akan meneruskan rancangannya keperingkat seterusnya.

* Penjagaan yang tidak sempurna bermakna bakal mangsanya tidak dihiraukan oleh keluarganya atau telah mlarikan diri dari rumah.

Peringkat kedua pula melibatkan penilaian dimana perogol itu akan menilai sama ada bakal mangsanya itu mudah diancam atau ditakutkan. Jika hasil daripada penilaian itu menunjukkan kesan yang positif, aktiviti rogol akan dilakukan tetapi sekiranya penilaian itu menunjukkan kesan yang negatif maka perogol kemungkinan besarnya akan mengalih pandangan dan mencari mangsa lain.

Peringkat ketiga ialah ancaman yang dikenakan kepada mangsa rogol itu. Sekiranya mangsa enggan melakukan hubungan jenis dengannya, perogol itu akan mengugut mangsanya dengan menggunakan kekerasan dan kekejaman terhadapnya. Adalah penting bagi seorang perogol untuk menguasai dan menakuti perempuan berkenaan kerana dengan penguasaan ini akan memudahkan lagi aktiviti rogol lakukan. Dengan kata lain sekiranya perempuan tersebut tidak mahu dicederakan, maka dia akan menyerah kalah kepada perogol itu. Peringkat ini dinamakan peringkat kuasa dan pengawalan tingkah laku mangsa. Diperingkat ini berbagai-bagai ancaman dan kekasaran boleh dilakukan. Antaranya ialah ancaman melalui lisan sahaja tanpa disusuli oleh keganasan fizikal. Tetapi ada juga perogol yang menggunakan senjata dan berbagai-bagai alat lain yang boleh mencederakan mangsanya. Darjah

kekerasan atau ancaman itu bergantung kepada tingkah laku mangsa. Sekiranya dengan hanya menggunakan kekerasan lisan tidak berjaya menakuti mangsa maka perogol berkecenderungan untuk mempertingkatkan darjah kekerasan dan ancamannya dengan menggunakan alat-alat yang boleh mencederakan mangsanya itu seperti pisau, parang, senjata api dan sebagainya.

Peringkat keempat pula melibatkan perlakuan hubungan seksual itu sendiri. Di peringkat ini mangsa tersebut akan disetubuh sama ada dilakukan secara anal atau vaginal. Kadang-kadang persetubuhan oral juga digunakan. Ada ketikanya pula perogol akan menggunakan alat-alat yang lain selain dari zakarnya untuk menembusi faraj, dubur atau mulut mangsa tersebut.

Daripada keempat-empat peringkat ini jelaslah menunjukkan bahawa aktiviti rogol ini melalui tahap-tahap tertentu. Walau bagaimanapun tidak semua kes-kes rogol yang berlaku melibatkan perancangan yang teliti. Memang ada kes-kes rogol yang dilakukan secara impulsif tetapi jumlahnya agak kecil jika dibandingkan dengan kes-kes rogol yang dirancangkan (melalui keempat-empat peringkat tadi).

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh pihak Polis

dinegara ini, didapati kebanyakkan kes-kes rogoi berlaku atas kesilapan wanita itu sendiri. Didapati 21% mangsa rogoi itu berada atau berjalan seorang diri di tempat-tempat sunyi, 12% kes pula menunjukkan bahawa wanita-wanita yang menjadi mangsa itu dengan sukarela menerima pelawaan atau setuju mengikuti perogol memasuki hotel atau tempat-tempat lain yang sesuai. 10% kes yang melibatkan perhubungan jenis yang dipersetujui oleh keduua-dua belah pihak tetapi kemudiannya wanita itu akan membuat aduan/laporan ke Balai Polis mengatakan dia telah dirogol. Antara sebab-sebab yang menyebabkan wanita itu membuat laporan tersebut ialah setelah mendapati dirinya telah hamil/mengandung. Kes yang seperti ini berjumlah 4% manakala 3% kes pula melibatkan wanita yang mengadu dergoI setelah lelaki yang menidurinya enggan menunaikan janji untuk mengahwihinya. Biasanya kejadian rogoi yang berlaku didahului dengan adegan "panas" yang akan menaikkan nafsu dan boleh membawa kearah berlakunya hubungan seks yang dipaksa apabila pasangannya enggan melakukannya.

2.3 Bentuk-bentuk perogol

Didalam meneliti tentang profil perogol ini, perlu

juga dititikberatkan faktor-faktor utaman perogol melakukan jenayah seks ini. Terdapat 2 faktor utama iaitu:-

a) tujuan rogol itu untuk kepuasan seks semata-mata.

b) tujuan rogol itu untuk melakukan kekejaman/bagik
maka cara kekerasan.

Dalam konteks ini, perogol hanya akan berlaku bila:

Daripada kedua-dua faktor yang disebutkan diatas, iaanya boleh dipecahkan kepada 4 bentuk perogol yang dikenalpasti

iaitu:- sifir, Terci, Sabur dan Lamau.

Dengan berlandaskan kepada maklumat diatas, ia akan mendorong perogol sebagai

i) Perogol bertujuan kejam/agresif

ii) Perogol bertujuan seks

iii) Perogol campuran seks-agresif

dan iv) Perogol impulsif

Perogol bertujuan kejam/agresif merupakan wanita-wanita

kenista yang dilakukannya tidak selaras dengan kaidah-kaidah

kejujuran. Perogol yang mempunyai tujuan seperti ini dikatakan

melakukannya semata-mata bermotivasiikan keinginan untuk

menghina dan menjatuhkan maruah mangsanya itu. Kekejaman

dan keinginannya itu juga mempunyai tujuan sampingan iaitu

ingin mencederakan dan merosakkan mangsanya. Bagi perogol

yang berprofil seperti ini, seks itu sendiri bukanlah tujuan utama dan terakhir baginya. Ini bermakna bahawa perhubungan seks adalah kesan sampingan daripada aktiviti ingin mencederakan dan menghina mangsa itu. Jadi jika persetubuhan berlaku, maka persetubuhan itu dianggap sebagai satu cara untuk mencederakan dan menyakiti mangsanya itu.

Dalam konteks ini, perogol hanya akan berpuashati sekiranya dia dapat mencederakan bahagian tubuh mangsa yang dikira/dianggap boleh menaikkan syahwatnya seperti buah dada, bibir, faraj, dubur dan lain-lain . Dengan berlandaskan kepada motif itu ia akan mendorong perogol melakukan perogolan dan perbuatan itu diiringi oleh rasa marah yang meluap-luap terhadap apa yang dimiliki oleh mangsanya seperti dia membenci kecantikan wanita tersebut dan dengan itu dia akan cuba mencederakan wajah wanita yang merupakan lambang kecantikannya.

Perbuatannya bukan sahaja melibatkan wanita-wanita cantik yang pernah didampinginya sahaja malahan ia meliputi kesemua wanita-wanita yang mempunyai rupa paras yang cantik. Apa yang tergambar didalam fikirannya ialah wanita cantik melambangkan satu musuh yang harus dimusnahkan. Perogol jenis ini selalunya memilih atau mencari mangsa yang tidak dikenalinya.

Apa yang dapat dirumuskan berkaitan dengan sejarah hidup perogol ini yang memungkinkan dia berkecenderungan melakukan perogolan kejam/agresif ini seperti kehidupannya yang banyak mengandungi pengalaman-pengalaman ganas dan pergaduhan sengit. Atau ianya mungkin disebabkan dia menghadapi masalah tentang perhubungannya dengan wanita dimana wanita-wanita ini sering menghina atau mencabar kelakiannya. Hanya dengan cara ini sahaja dia dapat menunjukkan kekuasaan dan kelakiannya.

ii) Perogol bertujuan seks

Perogol jenis ini mempunyai motif yang berbeza dengan perogol jenis yang pertama (i) tadi. Aktiviti rogoinya digerakkan oleh keinginan untuk mendapatkan kepuasan seksual kerana tujuan utamanya untuk kepuasan seks. Oleh kerana itu, perogol jarang menggunakan kekejaman dan kekerasan. Sekiranya aktiviti rogoinya tidak mendapat tentangan dari mangsanya, dia tidak akan mencederakan atau mengancam mangsanya itu. Jika dia mendapat layanan yang baik, mungkin tujuan seksualnya dapat dipatahkan dan disalurkan dengan cara yang lebih berkesan lagi. Biasanya perogol ini begitu bernafsu/bersyahwat ketika melakukan aktiviti rogoil dan kadang-kadang dia akan mengeluarkan air maninya sebelum

aktiviti rogol dilakukan. Ini menyebabkan dia merasa malu dan akan meninggalkan mngsanya. Bagi perogol jenis ini, setiap aktiviti rogolnya itu telah "diraptaikan" dahulu dalam fantasinya. Ini mungkin disebabkan ketika kanak-kanak, mereka suka mengintai atau melihat orang lain melakukan hubungan seks hingga mereka dapat menggambarkan setiap tahap yang terlibat dalam persetubuhan itu. Mereka juga rajin pergi ke taman bunga dan tempat-tempat tertentu untuk melihat orang lain melakukan hubungan seks atau berasmara. Ketika ini juga kemungkinan mereka akan melancap kerana dengan hanya memerhatikan orang lain melakukan persetubuhan, nafsunya boleh meningkat dan dengan melancap dia akan dapat menurun atau memuaskan nafsunya. Disamping suka mengintai, perogol jenis ini juga suka mendedahkan dirinya kepada umum terutama sekali kepada wanita-wanita muda. Mereka inilah yang sering dikenali sebagai "Flasher" atau "exhibitionist". Dengan cara mendedahkan dirinya kepada umum dan melihat reaksi terkejut serta rasa terperanjat dari wanita-wanita berkenaan, mereka seolah-olah mendapat semacam satu kepuasan. Kepuasan ini disusuli pula oleh aktiviti melancap dan kadang-kadang mereka melancap didepan khalayak ramai atau dihadapan wanita tertentu.

PERGOLAN: RUMAH RANGSANGAN SEKSUAL JENIS DAN KERASARAN 2013

Perogol jenis ini tidak mempunyai kemahiran sosial yang mencukupi untuk membantunya membuat perhubungan yang berkesan dengan wanita. Oleh kerana ketiadaan kemahiran inilah maka mereka mencari cara yang lain untuk menghampiri wanita dan dengan itu memaksa mereka melakukan aktiviti rogol ini sebagai salah satu cara untuk berkasih mesra. Tetapi tindakan/tingkahlaku mereka ini hanya akan menjauhkan wanita daripadanya. Dan ini seterusnya akan menjadikan perhubungan perogol itu semakin jahil dalam membuat perhubungan dengan wanita.

iii) Perogol campuran seks-agresif

Tujuan atau motif utama perogol ini adalah kekerasan dan kekejaman yang dilakukan untuk menaikkan nafsu syahwat. Tanpa kekerasan dan kekejaman, nafsu syahwat tidak akan meningkat dan mungkin tidak dapat melakukan persetubuhan dengan berkesan. Dengan kata lain, persetubuhan tanpa kekerasan tidak dapat memuaskan nafsunya. Bagi perogol jenis ini, kekerasan dan kekejaman adalah sebahagian daripada tingkahlaku seksualnya. Ia diperlukan sebagai rangsangan terhadap aktiviti rogol dan tanpa kekerasan ia mungkin akan mati pucuk. Kefungsian persetubuhan itu kuat

bergantung kepada rangsangan seksual jenis kekejaman ini; semakin kuat kekerasan/kekejaman dilakukan semakin kuat nafsu perogol dan begitulah sebaliknya. Dalam ertikata lain perogol ini adalah seorang yang kejam atau "sadis".

Perogol bukan sahaja memerlukan kekejaman dan kekerasan untuk menaikkan nafsunya malah mereka percaya bahawa wanita memang suka diseksa dan dikasari dalam usaha untuk mencapai "climax" dalam persetubuhan. Dipercayai bahawa dengan seksaan dan pengasaran terhadap wanita itu membolehkan wanita itu menikmati kepuasan seks yang sebenar. Oleh kerana kepercayaannya itu, ianya menjadi alasan untuk memberi lesen atau kebenaran kepada dirinya untuk bertindak kasar. Jadi dia sendiri yang akan menentukan bahawa kekasaran dalam perhubungan seks adalah normal walaupun pada hakikatnya ia adalah suatu kekejaman atau penyeksaan terhadap wanita. Ahli-ahli Psikologi berpendapat ramai wanita tidak senang dipaksa dan dikasari semasa melakukan hubungan jenis. Di Barat ramai wanita mengadu dirogol oleh para suami masing-masing, kekasih atau pelanggan-pelanggan mereka (merujuk kepada pelacur).

Anggapan perogol ini yang mendakwa semakin tinggi darjah kekerasan dan kekejaman yang dilakukan semakin kuat nafsu syahwatnya adalah salah dan biasanya perogol yang

beranggapan demikian merupakan individu yang kurang siuman, mabuk, ketagihan atau dendam yang amat sangat. Perogol jenis ini mempunyai sejarah hidup yang anti sosial di mana dia tidak dapat menerima norma-norma dalam masyarakat. Dia tidak dapat membuat hubungan yang stabil dengan individu lain, mementingkan diri sendiri dan tidak mengambil berat tentang keperluan orang lain. Disamping itu dia juga tidak mempunyai kawalan terhadap desakan perasaan, melakukan apa sahaja mengikut suka tanpa mengira tempat, masa keadaan dan lain-lain. Perasaan malu, bersalah dan berdosa tidak pernah difikirkan/tidak pernah ujud dalam dirinya seolah-olah individu itu tidak ubah seperti binatang yang tidak boleh berfikir dengan rasional.

iv) Perogol Impulsif

Perogol ini tidak mempunyai motif seksual ataupun agresif semasa melakukan persetubuhan itu. Aktiviti rogol ini biasanya dilakukan secara mendadak tanpa sebarang perhitungan atau perancangan (plan) yang teliti. Ianya sering berlaku ketika kejadian rompak. Apabila perompak telah berjaya merompak barang-barang yang dikehendaki dan kemudian dia nampak satu peluang lain (melihat isteri atau anak gadis mengsa rompakan) yang menimbulkan/menaikkan

nafsunya. Besar kemungkinan dia akan merogol mangsa rompakan tersebut. Ini menunjukkan bahawa pada mulanya dia hanya ingin merompak sahaja tetapi apabila ujud kesempatan-kesempatan lain yang membolahkan dia melakukan aktiviti seks maka dia akan melakukannya. "social sanction" terhadapnya berbeda. Dia akan menggunakan kesempatan-kesempatan ini dan melakukan persetubuhan untuk mendapat kepuasan seksualnya. Walaupun dia mendapat kepuasan seksual tetapi tujuan utama ialah merompak. Rogol hanya merupakan satu aktiviti sampingan. Perogol ini merupakan seorang "oprtunis" yang menggunakan kesempatan sepenuhnya.

Daripada keempat-empat profil perogol yang dibincangkan tadi jelas menunjukkan bahawa perogol sendiri mempunyai pelbagai profil yang selari dan sesuai dengan motivasi atau tujuan rogolnya.

2.4. Teori Kawalan

Teori Kawalan oleh Travis Hirshi merupakan salah satu sub-teori Kawalan Sosial yang lebih luas. Pada amnya teori ini menekankan tentang "social disorganizatioan". Ianya memberi satu penekanan yang relatif serta proses-proses yang menjadi penyebab berlakunya jenayah; rogol khasnya. Teori ini meneliti cara-cara atau proses sosialisasi oleh

masyarakat atau kumpulan-kumpulan sosial didalam mengenakan kawalan terhadap anggotanya. Apa yang dipentingkan di sini adalah peranan masyarakat didalam menjalankan proses mensosialisasikan anggotanya dengan mengadakan norma-norma serta "social stigma" atau "social sanction" tertentu terhadap setiap perlakuan individu yang menjadi anggotanya.

Berdasarkan teori ini dapat dirumuskan bahawa dengan pengujudan teori kawalan ini dalam sesuatu masyarakat akan dapat membentuk seseorang itu sama ada dia menjauhkan dirinya dari penyelewengan (jenayah) ataupun melibatkan dirinya dalam jenayah. Sama ada seseorang individu itu berkecenderungan untuk menjadi jahat atau baik bergantung kepada pertama sekiranya ikatan sosial (social bond) antara individu dengan masyarakatnya secara "conventional order" adalah kuat maka sukar baginya untuk terlibat dengan penyelewengan kerana perhatian dan tumpuannya terhadap apa yang dilakukan adalah berasaskan pada apa yang diterima dan dihargai oleh masyarakat (selari dengan norma-norma dalam masyarakat). Keduanya ialah jika ikatan sosialnya longgar, besar kemungkinan individu tersebut lebih terdorong untuk melakukan penyelewengan yang dibantu oleh faktor-faktor pendorong penyelewengan.

Dalam Gambarajah 3, memperlihatkan "step" atau

Walau bagaimanapun ramai pengkaji masyarakat (Sociologists) berpendapat bahawa individu tidaklah bebas untuk melanggar undang-undang melainkan terdapat sesuatu dorongan kuat yang menggalakkan individu kearah tersebut seperti faktor "relative deprivation", "status problem", "alienation", "neutralization", ataupun "sub-cultural socialization". Hirshi pula berpendapat bahawa tingkah laku delinkuen terjadi bila "bond" diantara individu dan masyarakat lemah atau patah.

"Delinquent acts occur when an individual's bond to society is weak or broken".

(Hirshi T. : 1966: 16)

Maka, seseorang itu menjadi penjenayah disebabkan oleh "faulty self-images" yang dirasainya dan menjadi pendorong kepada individu melakukan jenayah dimana menurut Gibbons (1981) kebanyakan penjenayah adalah terdiri dari individu yang mengalami:-

"low self esteem, a negative sense of self or insensitivity".

dan
"lack a concern for the opinion of others".

(Gibbon D.C. : 1981: 84)

Di sini dapat dilihat korelasi yang ketara diantara individu dan masyarakat di mana masyarakat perlu memainkan peranan yang penting "to effect social control" didalam mengawal dan mensosialisasikan anggotanya. Maka inti utama Teori Kawalan oleh Hirshi ialah, individu tertentu bebas melakukan jenayah apabila ikatan (bond) mereka keatas "conventional social order" terpisah dan secara tidak langsung mereka bebas melakukan apa sahaja. Tanggapan ini dipersetujui oleh ramai pengkaji Barat seperti Merton, Cohen, Cloward dan Oklin.

Berdasarkan pendapat ahli-ahli Teori Kawalan, sekatan dan ikatan yang dikenakan keatas individu melalui peraturan konvensional yang telah ditetapkan akan hanya mendatangkan masalah. Individu tersebut akan merasa tertekan sehingga

berkenaan kerana kegagalannya. "Goals" dianggap sebagai suatu nilai dan kepentingan bagi sebuah masyarakat yang meletakkannya sebagai "legitimate objectives" bagi seluruh ahli didalam masyarakat tersebut. Masyarakat berpendapat bahawa: "Everyone has the right to a standard of living adequate for the health and well-being of himself and of his family".¹ Selain itu, mereka juga percaya bahawa ".... everyone can have the same high ambition and longing; that failure to achieve social goals is the fault of the individuals rather than the fault of the existing social system".²

3.3.3. Peningkatan (Cohkin J.E., 1981:191)

Peningkatan ini merupakan sebahagian daripada kritik mengenai kesadaran individu dalam mencapai matlamat. Apabila individu itu gagal dalam mencapai matlamat, seluruh masyarakat meletakkan kesalahan tersebut atas dirinya. Ini akan menyebabkan individu menghadapi satu tekanan yang boleh mendorongnya melakukan tingkah laku devian. Keadaan ini merupakan satu nilai yang tidak seimbang kerana sebagai manusia biasa, setiap individu mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Oleh kerana itu tidak semua individu dapat mencapai "goals"

dengan cara yang telah disahkan oleh norma-norma masyarakat. Dengan perkataan lain tidak semua individu mempunyai keupayaan yang sama seperti yang telah ditetapkan oleh masyarakat iaitu secara "institutionalized means". Menurut Hirshi, keempat-empat elemen tersebut iaitu Attachment, Commitment, Involvement dan Belief mempunyai fungsi yang penting dalam usaha mengelakkan individu melakukan penyelewengan dalam masyarakat.

(Hirshi, 1969: 10) *Attachment* (pertalian) adalah ikatan antara individu dan masyarakat. Pertalian di sini merujuk kepada ikatan seseorang individu kepada masyarakat atau orang-orang yang penting dalam kehidupannya seperti isteri, anak, ibu, bapa dan sebagainya. Tanya diaukur sebagai satu rasa obligasi dan hubungan sosial ke atas orang lain sebagai penentu tingkah laku. Dowes dan Rock mengatakan bahawa menurut pandangan ramai, "attachment" adalah:

"....prior to caring about their opinion and wishes"

(Dowes D., Rock P. 1982: 188) *Commitment* (perpaduan) merupakan sikap untuk memberikan pengiktirafan dan pengalihan kepada orang lain. Ia merupakan perpaduan terhadap orang lain yang melibatkan empat unsur iaitu pengiktirafan, pengalihan, pengalihmakaan dan pengalihmakaan. *Involvement* (kebergantungan) merupakan perpaduan yang melibatkan pengalihan dan pengalihmakaan. Kebergantungan ini berlaku apabila individu

“... dan juga dalam menyatakan “attachment” pada diri Apa yang cuba diterangkan melalui elemen ini ialah dengan kecenderungan melakukan perlakuan devian, seseorang individu itu tidak sensitif terhadap pemikiran, perasaan dan pengharapan dari peraturan konventional iaitu tiada rasa pertalian. Dengan ketiadaan rasa pertalian ini individu itu bebas untuk melakukan penyelewengan. Maknanya, sekiranya pertalian (attachment) diantara individu itu dengan masyarakat atau orang-orang penting dalam hidupnya kuat/erat, maka individu itu tidak sanggup untuk berpaling tadih atau melanggar norma-norma yang telah ditentukan dan diterima oleh masyarakat. Hirshi menegaskan, sekiranya attachment itu kuat, maka kecenderungan melakukan perlakuan devian akan berkurangan.”

"Among individuals, the greater the attachment to person, the less the frequency of deviant act".

iii) Peranan Pertalian

“... (Robert F. Meire: Theory in Criminology, Individualism: Contemporary Views). Ia atau tidak kita boleh mengatakan ‘konvensional’ sebagai ‘norma’ dalam teori Ahli-ahli. Teori Kawalan menganggap darjah pertalian sebagai faktor yang membantu kepekaan individu keatas masyarakat. Ia menekankan kepada “fluctuating emotional involvement of participants in human relationship”, melainkan berdasarkan rasa ketakutan.

Steven Box didalam menghuraikan "attachment" telah membahagikan elemen tersebut kepada 2 unsur:-

a) Total Attachment

b) Partial Attachment

a) Total Attachment

ia adalah satu keadaan dimana seseorang individu memasukkan perkara lain didalam dirinya dan dikap keakuan (ego) terhapus malah digantikan melalui satu penyatuan (perpaduan) yang disebut "a coming togetherness". Dalam hal ini sifat pentingkan diri sendiri terhapus dan pengharapan dari orang lain menjadi kesatuan yang menguasai dirinya walaupun tanpa kehadiran individu lain. Tetapi kehadiran spiritualnya amat dirasainya.

b) Partial Attachment

Partial attachment pula merupakan corak perhubungan individu (remaja), adalah menurut atau tidak lari dari "conventional standard" terutama ibubapa. Ataupun mereka mula mengenali tentang keadaan tersebut di mana individu tidak mahu mengecewakan atau menyakiti hati orang lain. Ini merujuk kepada perhatian berat yang diberikan oleh individu tersebut terhadap kumpulan masyarakat walaupun mereka sering tidak mengenali.

(Kemungkinan untuk penyalahgunaan dengan amalan berikut)

Pada hakikatnya penyelewengan adalah tidak mustahil berlaku kepada seseorang tetapi ianya dapat dielakkan sekiranya ujud atau terbinanya hubungan yang rapat diantara satu sama lain. Apabila ujudnya Total attachment dan Partial attachment didalam diri seseorang individu itu maka adalah sukar baginya untuk menganiaya masyarakatnya sendiri dan tidak sanggup untuk melukakan hati masyarakatnya terutama ibubapanya.

ii) Commitment (Penglibatan)

Ia merujuk kepada ganjaran sosial yang terikat kepada kehendak masyarakat atau "social conformity". Ini bermakna kebanyakan individu hanya akan terlibat didalam satu-satu aktiviti yang boleh atau akan memberi keuntungan pada mereka walaupun ianya akan melibatkan kos yang tinggi. Kanter (1968: 500) merujuk "commitment" sebagai 'sequences of action with penalties and cost to arranged as to guarantee their selections'. Stabbins (1971 : 35) pula mengatakan "commitment" sebagai 'the awareness of impossibility of choosing expectation because of the imminence of penalties involved in making the switch'.

Penglibatan setiap individu adalah berbeza. Sekiranya penglibatannya dengan masyarakat berkurangan,

sebarang nilai-nilai negatif iaitu nilai yang mendorongnya melakukan perlakuan devian. Menurut Hirshi:-

"The less a person believe he should obey the rules, the more likely he is to violate them".

(Hirshi T. 1969: 26)

Begitulah sebaliknya jika individu berkenaan sosialnya, dia disebut sebagai orang yang kurang mempunyai kepercayaan atau ketataan yang kurang, maka dengan kelemahan ini akan menyebabkan individu itu cenderung untuk mengambil peluang untuk melanggar norma-norma masyarakatnya. Walau bagaimanapun berkenaan dengan peraturan "Aku bersungguh-sungguh" Hirshi menekankan bahawa :-

"....delinquency is not caused by belief that require delinquency but is rathermade possible by the absence of (effective) beliefs that forbid delinquency".

(Box S. 1981 : 128)

Gesbarajah 1: HIRSHI ORIGINAL MODEL

Berdasarkan pendapat-pendapat ahli Teori Kawalan terutamanya Hirshi, keempat-empat elemen ini penting dalam menentukan arah atau kecenderungan individu melakukan




Sumber: Robert F. Meisner: Theory of Criminology: Contemporary Views)

Gambrajah 7. DEFINITION OF DELINQUENCY
 sesuatu sama ada menyeleweng atau tidak menyeleweng daripada norma-norma masyarakatnya. Ahli-ahli Sosiologi berpendapat bahawa sekiranya seseorang individu itu mempunyai kelemahan dalam keempat-empat elemen ini maka besar kemungkinan individu tersebut akan terdorong untuk melakukan tingkah laku devian iaitu tingkah laku yang melanggar nilai serta norma-norma yang telah ditetapkan dalam masyarakat/kumpulan sosialnya. Ini disebabkan kelemahan atau kelonggaran elemen Attachment, Involvement, Commitment dan Belief tidak dapat mengawal/mengikat individu dalam masyarakat itu. Individu berkenaan menganggap dirinya sebagai-salah "tidak berguna" dalam masyarakatnya.


Sumber: Proses-proses kearah melakukan atau tidak melakukan tingkah laku devian itu dapat diterangkan secara gambarajah seperti yang disertakan iaitu Gambarajah 1,2 dan 3 dibawah.

Gambarajah 1 HIRSHI ORIGINAL MODEL




Sumber: Robert F. Meiner: Theory of Criminology; Contemporary Views)

Gambarajah 2. HIRSHI MODEL OF DELINQUENCY



Sumber: Conklin J.E. 1981 : 231

SUMBER: STEVEN BOX : BEHAVIOR, REALITY AND SOCIETY
 HOLT RINEHART AND WINSTON LTD.
 LONDON. 1975



BAB 3 PROFIL PEROGOL DAN IKATAN SOSIAL

3.1 Taraf perkahwinan

Berpendukan kepada Teori Kawalan yang menegaskan seseorang individu itu akan tertarik atau berkecenderungan kearah melakukan perbuatan devian sekiranya ikatan sosialnya (social bond) lemah. Ikatan sosial ini meliputi elemen-elemen yang dinyatakan oleh Hirshi yang boleh mempengaruhi individu itu. Pengkaji telah membuat kajian mengenai taraf perkahwinan perogol-perogol melalui fail peribadi yang diperolehi daripada pihak Polis. Berikut adalah jadual yang dibentuk berdasarkan maklumat-maklumat tersebut.

Jadual 1 TARAF PERKAHWINAN PEROGOL DI KUALA LUMPUR

Status Perkahwinan	Bilangan	%
Bujang	11	68.75
Suami	3	18.75
Duda (cerai hidup/mati)	2	12.5
JUMLAH	16	100

Daripada Jadual 1, dapat dilihat bahawa kebanyakannya perogol itu terdiri dalam kategori "bujang". Ia menyumbangkan jumlah yang paling tinggi iaitu 68.75%. Diikuti pula oleh "suami" sebanyak 18.75% dan "duda" (berpisah hidup/mati) sebanyak 12.5%. Dengan berpendukan Teori Kawalan yang menekankan tentang ikatan sosial siantara individu dengan ahli-ahli masyarakat, jelas menunjukkan perogol "bujang" ini mempunyai elemen "attachment" yang longgar jika dibandingkan dengan perogol "suami" dan "duda". Darjah keterlibatan golongan "bujang" yang tinggi ini bukan hanya meliputi kawasan kajian pengkaji malahan meliputi kebanyakan kawasan di negara ini. Berdasarkan artikel Mastika (Dis., 1986), menunjukkan 62% daripada perogol-perogol itu adalah orang bujang, 36% oleh lelaki beristeri dan 2% sahaja yang dilakukan oleh duda.

Dengan kedapatan-kedapatan ini jelaslah menunjukkan kelonggaran ikatan sosial dikalangan golongan bujang merupakan faktor penting yang menyebabkan golongan ini berkecenderungan untuk melakukan jenayah rogol. Kebanyakannya ahli Psikologi berpendapat waktu itu (umur lingkungan 20an dan bujang) dikatakan lelaki yang sedang meningkat keinginan seksnya. Mereka sering bertindak sebagai "pencuba" terhadap

keinginan seks tersebut. Ada juga diantara mereka yang gila seks (ketagihan) dan sudah biasa melakukannya. Apabila darjah keinginan ini meningkat mereka tidak mempunyai cara lain untuk memuaskan nafsu mereka secara legitimate kerana tidak mempunyai isteri. Oleh itu hanya satu jalan yang terbuka iaitu dengan melakukan jenayah rogozen terhadap sesiapa sahaja yang dikehendaki.

Keadaan ini berbeza dengan golongan lelaki beristeri kerana sekurang-kurangnya mereka boleh melakukan hubungan seks secara legitimate dengan isteri masing-masing. Melainkan jika isteri mereka tidak dapat memuaskan nafsu suami, barulah suami tersebut akan mencari alternatif lain untuk tujuan itu. Dapatlah diandaikan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi oleh pengkaji bahawa golongan lelaki beristeri ini mendapat kepuasan yang cukup atau maksimum daripada isteri masing-masing. Peratusan sebanyak 18.75% dikalangan suami yang melakukan jenayah ini lebih rendah jika dibandingkan dengan peratusan sebanyak 68.75% yang dilakukan oleh golongan bujang. 12.55% daripada jenayah ini dilakukan oleh golongan lelaki duda sama ada telah kematian isteri atau bercerai. Golongan ini berumur didalam lingkungan 44 tahun keatas. Menurut kajian yang dijalankan oleh ahlin Psikologi, mendapatkan kebanyakan lelaki yang berusia 50 tahun keatas

melakukan jenayah rogoi ini ketika mereka mabuk didalam keadaan tidak waras atau digoda oleh mangsa sendiri. Mangsa-mangsa bagi golongan ini kebanyakannya terdiri daripada isteri mereka, anak sendiri, anak tiri ataupun saudara sendiri. Berdasarkan kajian yang dilakukan sebelum ini, 31.1% daripada golongan duda ini melakukan jenayah ini kerana mendapat rangsangan daripada wanita itu sendiri. Dari segi perubatan, nafsu atau keinginan seks seseorang individu itu semakin menurun selari dengan peningkatan umurnya. Oleh itu daripada peratusan yang rendah dikalangan golongan ini, dapatlah diandaikan bahawa nafsu atau keinginan seks mereka tidaklah seperti golongan bujang atau suami yang berusia diantara 31-43 tahun.

3.2. Taraf pekerjaan

Dengan menggunakan aspek pekerjaan, pengkaji cuba mencari korelasi diantara jenis pekerjaan dengan Teori Ikatan Sosial. Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan di Barat didapati kebanyakan penjenayah terdiri dari golongan berpendapatan rendah. Oleh itu pengkaji mengumpul data-data dan cuba melihat sama ada keadaan yang sama ujud di sini. Gambarajah dibawah menunjukkan bilangan dan peratusan penjenayah mengikut jenis pekerjaan mereka.

JADUAL 2 TARAF PEKERJAAN

Status pekerjaan	Bilangan	%
Penganggur/pesara	6	37.5
Penjual buah2an	3	18.75
Buruh kontrak	3	18.75
Penoreh getah	1	6.25
Tukang jahit	1	6.25
Pembantu kedai	1	6.25
Jaga	1	6.25
JUMLAH	16	100.00

Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi di kalangan responden, didapati kesemua 16 orang perogol itu tergolong didalam golongan yang berpendapatan rendah. Walaupun bagaimanapun di kalangan golongan ini, penganggur/pesara merupakan golongan yang mempunyai bilangan yang paling ramai iaitu 6 orang dengan jumlah peratusan sebanyak 37.5%. Ini diikuti oleh penjual buah-buahan dan buruh kontrak seramai 3 orang (18.75%). Penoreh getah, tukang jahit, pembantu kedai dan jaga tidak ramai yang terlibat dimana bilangan setiap dengan kira-kira grednya adalah sebagai berikut: "Jaga" mempunyai jumlah responden sebanyak 1 orang ("100%"). "Penoreh getah" mempunyai jumlah responden sebanyak 1 orang ("6.25%"). "Tukang jahit" mempunyai jumlah responden sebanyak 1 orang ("6.25%"). "Pembantu kedai" mempunyai jumlah responden sebanyak 1 orang ("6.25%"). "Jaga" mempunyai jumlah responden sebanyak 1 orang ("6.25%").

satu hanya seorang (6.25%).

Dengan kedapatan-kedapatan ini boleh dirumuskan bahawa mereka (golongan berpendapatan rendah) ini mempunyai ikatan sosial yang longgar dengan pekerjaan mereka. Menurut Teori Kawalan, sekiranya seseorang individu itu mempunyai ikatan sosial yang longgar dengan perkerjaan dan tanggungjawabnya terhadap pekerjaannya sedikit, dia akan cenderung melakukan perlakuan devian. Golongan ini terutamanya penganggur ternya tidak mempunyai hubungan atau "commitment" yang kuat dengan pekerjaannya. Kelonggaran ikatan sosial ini menjadi salah satu faktor yang mendorong penganggur khasnya dan yang lain-lain melakukan perbuatan jenayah. Ini desebabkan mereka merasa bebas daripada kawalan sosial (social bond) yang ujud didalam pekerjaan/masyarakat mereka.

Sebagai seorang yang berpendapatan rendah, keupayaan mereka untuk memperolehi keperluan asas (basic needs) terhadap apa lagi bagi seorang penganggur. Memandangkan ketiadaan "commitment" itu menyebabkan banyak masa yang terluang dan membolehkan individu itu menimbangkan/memikirkan perlakuan devian. Mereka percaya dengan melakukan perbuatan devian dapat memenuhi keperluan yang mereka kehendaki seperti seks. Ini juga menunjukkan bahawa jalan yang sah telah tertutup dimana dengan ketiadaan

wang, mereka tidak boleh berkahwin dan mendapat kepuasan seks yang legitimate. Ataupun mengunjungi "kupu-kupu malam". Pada pandangan mereka jalan yang paling mudah (melalui jalan yang tidak sah) tetapi mendatangkan "pulangan" yang baik kepada mereka ialah dengan melakukan perogolan. Aktiviti ini tidak memerlukan wang tetapi mereka boleh mendapat apa yang merekakehendaki walaupun jalan yang digunakan salah disisi Undang-undang. Kedapatan ini selaras dengan pendapat Steven Box yang mengatakan sekiranya ikatan sosial lemah dan daripada perbuatan devian mereka mendapat "pulangan" yang menggembirakan, maka individu itu cenderung untuk melakukan jenayah.

Kebanyakan pengkaji jenayah berpendapat bahawa golongan pelanggar norma-norma sosial dan Undang-undang yang terbesar datang daripada individu yang tergolong didalam kelas bawahan dan juga golongan penganggur. Individu ini hidup dalam keadaan yang tertekan akibat dari tekanan kos hidup yang tinggi dan pendapatan yang rendah. Sebagaimana pendapat Clinard dan Meire yang mengatakan bahawa sebahagian besar dari jenayah seperti pembunuhan, perogolan, penyelewengan kearah penggunaan dadah adalah dilakukan oleh individu-individu dari kategori ini. Ini merupakan suatu keadaan yang telah sedia ada/ujud didalam kelas bawahan yang disebut sebagai "sub-culture of violence". Clinard dan

Meier juga menekankan bahawa faktor ekonomi merupakan salah satu faktor pendorong kearah perbuatan devian. Dalam artikelnya "Finally, remember that even when norms of any given family are discussed, probably the discussion pertamaan is actually of the social class occupational groups which one or some specific sub-cultural group to which the yang tertua family happens to belong".

(Glinard and Meier: 1985 : 10)

Memandangkan peratusan yang tinggi dikalangan golongan ini terutama sekali penganggur, ada negara-negara Barat seperti United State dan Britain telah mengujudkan pembayaran elauan kepada para penganggur. Elauan ini dibayar setiap minggu dan jumlahnya mengikut status individu tersebut. Ini bertujuan untuk mengurangkan kadar dan tingkat kejadian jenayah yang berlaku di negara tersebut dan seterusnya menghapuskannya.

3.3. Bangsa dan agama - "Pihak-pihak Konservatif berpendapat bahawa menjadikan orang-orang United State sebagai penyebab

Walaupun kejadian robol bukan lagi merupakan kes jenayah yang baru muncul di Malaysia, tetapi masih belum ada

pengkaji tempatan yang membuat kajian ilmiah mengenai isu perogolan ini. Apa yang sering disiarkan didalam artikel-artikel hanyalah berkisar kepada profil perogol secara umum dan mangsa sahaja. Kajian yang dijalankan di negara-negara Barat menunjukkan bahawa orang kulit hitam (negro) lebih cenderung untuk melakukan jenayah. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini meliputi 14 kes yang melibatkan 16 orang yang telah didakwa dan disabitkan kesalahannya.

JADUAL 3 BANGSA/AGAMA PEROGOL

Bangsa	Bilangan	%
Melayu	4	25.0
Melayu-Indon.	3	18.75
Cina	6	37.5
India	3	18.75
JUMLAH	16	100.00

Daripada data-data diatas menunjukkan daripada 16 orang perogol, 4 orang terdiri daripada orang Melayu (25%), 3 orang Melayu-Indonesia (18.75%), 6 orang Cina (37.5%) dan 3 orang India (18.75%). Menurut Menachem Amir yang telah menjalankan kajian di United State mendapati perogol ini

berkecenderungan untuk mencari mangsa yang sebangsa dengannya. Bukan "Patterns in Forcible Rape" menegaskan lelaki kulit hitam (negro) suka mencari mangsa dari kalangannya juga degitu juga orang kulit putih.

Daripada statistik kebangsaan, didapati bangsa yang paling ramai menjadi mangsa ialah bangsa Melayu (termasuk Melayu-Indonesia). Dengan menggunakan kedapatan-kedapatan kajian Menachem Amir, pengkaji merumuskankan bahawa kebanyakan perogol terdiri dari bangsa Melayu.

JADUAL 4 STATUS PERKAHWINAN DAN BANGSA/AGAMA

Status	Bangsa			Jumlah
	M	C	I	
BUJANG	5 (31.25%)	4 (25.0%)	2 (12.5%)	11 (68.75%)
SUAMI	1 (6.25%)	1 (6.25%)	-	2 (12.5%)
DUDA	1 (6.25%)	1 (6.25%)	1 (6.25%)	3 (18.75%)
JUMLAH	7 (43.75%)	6 (37.50%)	3 (18.75%)	16 (100.0)

*M : termasuk Melayu-Indonesia

Oleh kerana setiap bangsa mempunyai agama, maka pengkaji menilai perlakuan-perlakuan devian daripada sudut keagamaan. Biasanya bangsa sering dikaitkan dengan agama kerana hampir semua bangsa Melayu beragama Islam, begitu juga bangsa Cina beragama Buddha dan India beragama Hindu. Agama ini merupakan satu pegangan hidup bagi individu yang mempercayainya.

Emile Durkheim didalam kajiannya mengenai kes bunuh diri dalam bukunya "Suicide" mengaitkan faktor agama sebagai suatu tekanan perasaan bagi penganut-penganutnya yang hilang pertimbangan. Dalam mengemukakan hujah-hujahnya, Durkheim telah menganalisa beberapa jenis pembunuhan diri iaitu Altruistik, Egoistik dan Anomik. Menurut Durkheim, ketigatiga jenis pembunuhan diri ini berbeza dari segi pertalian antara individu dengan kumpulan sosialnya. Dengan kata lain beliau cuba menekankan bahawa sekiranya individu tidak mempunyai pertalian yang kuat dengan mana-mana kumpulan sosialnya, kadar bunuh diri akan meningkat. Beliau telah mengkaji diantara Mazhab Katholik dan Mazhab Protestant. Didapati kadar bunuh diri dikalangan Mazhab Katholik rendah jika dibandingkan dengan Mazhab Protestant. Menurut Durkheim, orang Katholik lebih rapat hubungannya dengan Gereja daripada orang Protestant.

Memandangkan agama merupakan salah satu aspek dalam proses sosialisasi manusia, pengabaian faktor agama dalam satu-satu bangsa itu akan menyebabkan nilai-nilai moral dan maruah turut ternoda. Apa yang penting ialah setakat mana atau sekuat mana individu dapat menghayati, mentaati dan menghormati agamanya boleh membantunya membuat pertimbangan terhadap satu-satu perkara di mana didalam pertimbangan inilah menentukan sama ada individu terdorong untuk melakukan penyelewengan atau membatakan niat itu. Nilai keagamaan dan kemasyarakatan yang repuh akan mempercepatkan lagi proses penjenayahannya hingga kepada individu tersebut. Durkheim didalam kajiannya mendapati bahawa:-

"intergration into an organized religion was related to low rates of suicide, whether such ties also reduce the likelihood of crime and delinquency is unclear".

(Conklin J.E. 1981: 238)

Walau bagaimanapun perlu ditekankan bahawa adalah sukar untuk dipastikan bahawa pendirian/prgangan ugama seseorang itu dapat mengelakkan dirinya dari terlibat didalam penyelewengan. Kesahihan faktor ini tidak dapat dibuktikan.

dalam kajian pengkaji kerana didalam fail peribadi perogol tersebut, kadar pegangan ugama mereka tidak dicatitkan. Tetapi kepentingan pertalian bangsa dan agama merupakan salah satu faktor penentu kearah perlakuan devian.

Seperti yang dijelaskan terdahulu, walaupun didalam kajian pengkaji didapati bahawa bangsa Melayu yang mempunyai bilangan perogol yang tinggi iaitu 43.75% jika dibandingkan dengan bangsa Cina dan India. Bangsa Melayu dikatakan lebih agresif melanggar norma-norma dalam masyarakat dan kebanyakannya tergolong didalam golongan yang berpendapatan rendah (Latihan Ilmiah Nazariah M. Nathri, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Uni. Malaya).

3.4 Umur

Berdasarkan satu kajian yang diketui oleh Prof. Thomson J.P. dari Universiti Champaign, Urbana terhadap lelaki yang dituduh merogol telah dibuat dalam tahun 1975 dan 1979. Antara hasil-hasil kajian itu ialah:-

- a) 58.6% daripada lelaki yang berusia 50 tahun keatas yang merogol itu adalah terdiri daripada pemabuk-pemabuk. Justeru itu ternyata mereka

melakukan perogolan dalam keadaan tidak waras dan tidak hairanlah kalau yang dirogol itu adalah isteri, anak atau saudara sendiri.

- b) 72.2% perogol terdiri daripada pemuda-pemuda yang berusia dalam lingkungan 20an, disebabkan gila seks atau kuat nafsu. Dalam kajian itu salah satu sebab yang diutarakan ialah mengenai ketagihan. Ini bermakna mereka itu sudah biasa melakukan hubungan jenis.
- c) 21.4% daripada perogol yang terdiri daripada mereka yang berusia 20an itu disebabkan rasa marah dan dendam mereka. Banyak kejadian dilapurkan itu kerana membala dendam.
- d) Bagi perogol yang berusia 50 tahun keatas pula, lebih 31.1% daripada mereka kerana pengaruh wanita dan gadis-gadis itu sendiri. Misainya gadis dan wanita itu sendiri yang menyalakan semangat muda mereka atau dengan memakai pakaian yang agak terdedah ataupun kelakuan dan gerakgeri yang memberbahikan. Wanita atau gadis-gadis ini dikatakan terlalu "demanding".

Menurut Encik Mohd Mansur Abdullah, sewaktu beliau membuat latihan disebuah shelter (pusat perlindungan) bagi wanita-wanita teraniaya di Indianapolis, banyak kes rogol yang ditemui itu terdiri dari janda yang memang suka hidup membujang ataupun "single parent". Rata-rata mereka menuduh selaki separuh umur (antara 45 tahun keatas) berani merogol kerana mereka itu sudah ada pengalaman.

Daripada kajian yang dilakukan oleh pengkaji (14 kes yang melibatkan 16 orang) disekitar Kuala Lumpur, mendapati umur perogol yang paling rendah ialah 18 tahun dan umur yang paling tinggi ialah 76 tahun. Dibawah ini desertakan jadual umur perogol di sekitar kawasan kajian.

JADUAL 5 UMUR PEROGOL

UMUR	Bilangan	%
18-30 tahun	8	50
31-43 tahun	5	31.25
44 tahun keatas	3	18.75
JUMLAH	16	100.00

Daripada Jadual 5 diatas, yang mana data-data diperolehi daripada fail-fail Polis mendapati majoriti perogol itu

terdiri dari pemuda yang berusia dalam lingkungan umur 20an yang dikatakan sedang mengalami proses pertumbuhan fizikal dan mental.

"Dalam menjalani prosesini, mereka mempunyai daya keinginan seks yang kuat untuk mencuba sesuatu yang baru dan jika berpeluang mereka tidak akan berfikir panjang lantas melakukannya tanpa memikirkan kesan dan risiko kemudian hari."

(Utusan Malaysia ; 4/10/87)

Kenyataan ini diperkuatkan lagi berdasarkan hasil kajian oleh Mc Caldron dan Ringrose yang mendapati bahawa secara umumnya perogol terdiri daripada golongan muda.

"..... we found that rapist are generally young men".

(Lorenne M.G. Clark and , 1977: 96)
Debra J. Lewis

Sebagai individu, kita tidak akan lepas daripada melalui edaran hidup (life cycle) dalam masyarakat yang mempunyai peraturan atau norma-norma yang telah ditentukan. Ada

diantara sub-culture yang ujud didalam masyarakat itu mudah diikuti/dipatuhi dan ada juga yang sukar untuk dipatuhi. Ramai Criminologists berpendapat bahawa golongan muda lebih "conducive" kearah melakukan jenayah jika dibandingkan dengan golongan "later-years levels".

"Many criminologists have argued that the younger age levels are more conducive to criminal behavior than the later-years levels".

(Gresham M. Sykes: Crime and Society:89)

Ini dibuat berdasarkan bilangan penjenayah yang ditangkap (dikawasan kajian Gresham M. Sykes) adalah dibawah umur 35 tahun dan bilangan yang paling tinggi adalah diantara 18 tahun hingga 24 tahun. Ruth Cavan, menegaskan bahawa "criminal activity begins in child-hood, reaches full flower in late adolescence or early adulthood and declines with age".

berdasarkan kajian yang telah dijalankan dalam tahun 1985 hingga September 1987 bagi semua kejadian rogol di Malaysia, didapati umur mangsa yang paling tinggi peratusannya ialah 16 tahun keatas (1987: 55%). Manakala golongan yang kedua ialah kanak-kanak yang berumur 14 tahun

hingga 16 tahun (1987:13%). Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji keatas 14 kes yang melibatkan 16 orang perogol dan 15 orang mangsa, mendapati:-

JADUAL 6 UMUR MANGSA

Umur		Bangsa		Jumlah
	* M	C	I	
Dibawah 14 thn.	3 (20.0%)	-	1 (6.7%)	4 (26.7%)
14-16 tahun	-	3 (20.0%)	1 (6.7%)	4 (26.7%)
16 tahun keatas	4 (26.7%)	1 (6.7%)	2 (13.4%)	7 (46.7%)
JUMLAH	7 (46.7%)	4 (26.7%)	4 (26.7%)	15 (100.0%)

*M - termasuk Melayu-Indonesia

Daripada kajian itu, didapati golongan yang paling ramai menjadi mangsa ialah 16 tahun keatas (46.7%) di mana 26.7% terdiri dari bangsa Melayu, 6.7% bangsa Cina dan 13.4% bangsa India. Manakala golongan kanak-kanak yang berumur 14 tahun kebawah, 20.0% bangsa Melayu dan 6.7% bangsa India. Bagi yang berumur 14-16 tahun, 20% mangsanya terdiri dari bangsa Cina dan 6.7% bangsa India. Keseluruhan keputusan kajian mendapati golongan remaja paling ramai. Ini kemungkinan disebabkan oleh daya penarik yang boleh menggoda lelaki dan juga ketika umur ini remaja wanita mengalami proses tumbesaran yang pesat dari segi biologi dan fizikal.

Pada peringkat pertumbuhan ini, remaja wanita menuju kearah pembentukan seorang "wanita". Dalam tempoh masa ini, remaja mempunyai daya penarik yang boleh menjadi "pendorong" kepada melakukan sesuatu seperti perbuatan devian. Umur didalam lingkungan 26-30 tahun adalah golongan yang paling agresif, tahan lasak serta berani menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku akibat/implikasi dari tindakan penyelewengan mereka.

BAB 4 KESEMPATAN

4.1 Tempat dan masa kejadian.

Dewasa ini kejadian rogol tidak lagi tertumpu dikawasan-kawasan yang khusus/spesifik. Metos yang selalu didengar ialah mangsa sering diserang ketika sedang berjalan ditempat-tempat yang sunyi serta gelap berseorangan. Walau bagaimanapun pada realitinya kawasan/jalan yang sunyi serta gelap bukanlah tempat yang menjadi "favourite"/kegemaran perogol menunggu mangsanya, banyak lapuran-lapuran yang diterima dari mangsa-mangsa mengadu mereka diserang/dirogol di dalam rumah sendiri. Secara logiknya rumah merupakan tempat yang paling selamat untuk individu itu berlindung daripada "malapetaka" atau bahaya itu. Tetapi dalam keadaan dunia sekarang, apa yang tidak mungkin berlaku dahulu telah menjadi perkara biasa sekarang ini. Ini menunjukkan tanggapan masyarakat yang sering mengandaikan sekiranya seseorang itu telah dirogol maka apa yang tergambar difikiran mereka ialah pastinya kejadian berlaku di lorong-lorong gelap serta sunyi tidak benar lagi. Selain daripada rumah sendiri, banyak kes yang dilapurkan melibatkan kejadian yang berlaku di hotel-hotel (biasanya di hotel murah).

Di bandar-bandar besar seperti Tokyo, London, Kuala Lumpur, New York atau di lain-lain tempat, rogol boleh berlaku bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Ada yang dirogol di dalam kereta, keretapi, tepi pantai atau tempat-tempat lain yang difikirkan "selamat" atau jauh dari penglihatan orangramai. Di kampung-kampung atau bandar-bandar kecil, kejadian rogol ini sering berlaku di padang-padang, belukar, tepi sawah, kebun tanaman, estate dan sebagainya.

Setelah meneliti 14 kes , didapati tempat-tempat yang menjadi tumpuan perogol ialah rumah (sama ada rumah sendiri, rumah kosong atau rumah perogol) dan hotel. Tempat-tempat yang menjadi pilihan perogol ini didapati mempunyai ciri-ciri "kerahsiaan", di mana perogol itu percaya dengan memilih tempat-tempat begini, tingkahlaku menyeleweng itu boleh dirahsiakan dan tidak dapat dikesan oleh masyarakat sekelilingnya. Ini jelas terbukti adanya kes-kes yang melibatkan perogolan di antara ayah dan anak perempuan, bapa saudara dengan anak saudara dan lain-lain lagi. Tingkahlaku yang menyeleweng ini akan diketahui umum apabila timbul perbezaan-perbezaan fizikal seperti hamil sebelum berkahwin atau dimasukkan ke hospital kerana keguguran.

JADUAL 7 TEMPAT KEJADIAN

Tempat kejadian	Umur perogol			Jumlah
	18-30	31-43	44 keatas	
Rumah :				
Rumah mangsa/ rumah perogol	3 (18.75)	3 (18.75)	3 (18.75)	11
Rumah kosong	1 (6.25%)	1 (6.25%)	-	
Hotel	5 (31.25%)	-	-	5 (31.25%)
JUMLAH	9 (56.25%)	4 (25.0%)	3 (18.75%)	16 (100.0%)

Daripada Jadual 5 diatas, didapati tempat yang paling popular untuk melakukan jenayah rogol ini ialah rumah (sama ada rumah perogol, rumah mangsa atau rumah kosong) sebanyak 11 kes dilapurkan(68.75%). Ketiga-tiga peringkat umur itu menyumbangkan jumlah yang sama iaitu 3 (18.75%) tiap-tiap satu. Keadaan ini berbeza bagi hotel dimana hanya 5 kes dilapurkan (31.25%) dan kelima-lima kes itu dilakukan oleh

perogol yang berumur diantara 18-30 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa rumah merupakan tempat yang paling digemari sekarang ini. Ini mungkin disebabkan oleh faktor "kerahsiaan" yang merupakan kelebihan yang ada padanya jika dibandingkan dengan tempat lain.

Penjenayah-penjenayah ini berpendapat rumah merupakan tempat yang paling sesuai kerana masyarakat tidak akan mengetahui apa yang telah, sedang dan akan berlaku didalam rumah itu melainkan diberitahu oleh oranglain yang melihat atau berada didalam rumah itu. Selagi kejadian itu masih dapat dirahsiakan selagi itulah kejadian itu akan terus berlaku. Dalam kebanyakan kes, pasangan yang terlibat mempunyai hubungan kekeluargaan seperti ayah dengan anak perempuan, adik beradik atau bapa saudara dengan anak saudara. Dengan ujudnya tali persaudaraan yang rapat antara individu ini maka semakin kuat kerahsiaannya kerana masyarakat biasanya tidak menyangka sumbang muhrim (incest) berlaku didalam keluarga itu. Kebanyakan mangsa tidak melaporkan kejadian itu kepada pihak Polis kerana mungkin pelaku itu adalah ahli keluarga terdekat, takut masyarakat mencemuhnya atau takut maruah keluarganya terjejas. Keadaan inilah yang menyebabkan timbulnya kesukaran pihak Polis mengetahui jumlah kes sebenar. Angka-angka atau jumlah kes yang tidak diketahui ini dikenali sebagai "dark figure of crime".

Di samping itu sebahagian besar kejadian rogol berlaku pada waktu malam. Di waktu ini didapati tidak ada orang lain di situ ataupun orang lain sudah tidur. Ada juga kes yang berlaku di bilik mangsa di mana emak atau ahli keluarga yang lain tidur di bilik yang berasingan. Di sini faktor "kesempatan" memainkan peranan yang penting. Kesempatan di sini merujuk kepada ujudnya peluang untuk perogol melakukan aktiviti rogol itu tanpa pengetahuan orang lain. Berdasarkan pendapat Richard Cloward dan Lloyd Oklin didalam teori mereka yang terkenal iaitu "Differentiation Opportunities Structure". Teori ini cuba menerangkan ujudnya segolongan masyarakat yang mengalami "Rank Disequilibrium" di mana mereka dikatakan gagal memenuhi sebahagian daripada kehendak asasnya contohnya seks.

Menurut teori ini lagi, orang-orang yang mengalami "Rank Disequilibrium" ini sanggup melakukan jenayah devian apabila timbul satu "kesempatan" yang membolehkannya memenuhi kehendak asas yang tidak dapat dipenuhi itu. Ini terjadi kerana kesempatan sahnya tertutup dan kesempatan tidak sahnya terbuka. Terdapat fenomena tertentu yang boleh menutup kesempatan-kesempatan sah yang lahir daripada susunlapis masyarakat tersebut seperti kedudukan sosial yang rendah, kekurangan atau kecacatan fizikal dan mental, penguatkuasaan Undang-undang dan sebagainya.

4.2 Hubungan mangsa dengan perogol

Berdasarkan laporan statistik kebangsaan yang mencatatkan kejadian rogol di Malaysia mendapati 17% daripada kes itu dilakukan oleh lelaki yang tidak dikenali atau dengan kata lain perogol itu tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mangsa. Manakala 47% pula menunjukkan perbuatan ini dilakukan oleh lelaki yang dikenali oleh mangsa dan 9% pula menunjukkan lelaki itu baru dikenali (pada hari kejadian).

Walau bagaimanapun ada juga kes-kes yang melibatkan bapa sendiri, bapa saudara, bapa tiri, kekasih, abang dan sanak saudara yang lain. Jumlah mangsa yang dirogol oleh bapa sendiri ialah 8%, bapa tiri 2%, kekasih sendiri 7%, jiran 5% dan 5% lagi dilakukan oleh orang lain. Daripada statistik kebangsaan juga menunjukkan bahawa jenayah ini semakin meningkat hingga melibatkan ahli keluarga sendiri yang sepatutnya tidak akan sanggup melakukannya apa lagi ianya dilarang oleh semua agama: Islam misalnya mengharamkan sumbang-muhrim (incest). Sumbang-muhrim bererti aturan yang melanggar perkahwinan atau hubungan seks diantara anggota dalam keluarga terutamanya diantara ibubapa dan anak-anaknya dan diantara adik beradik (Abdullah Taib: Asas-asas Antropologi: 124)

Walaupun buat masa ini bilangan sumbang-muhrim ini masih kecil tetapi ia perlu dihapuskan kerana dengan ujudnya fenomena pelanggaran incest ini menunjukkan masyarakat semakin tidak menghormati agama masing-masing. Pada pandangan perogol mangsanya hanyalah satu objek untuk memuaskan hawa nafsu dan tidak menghormati langsung peribadi mangsa mahupun agamanya sendiri.

Didalam Jadual 8 dibawah ini, disenaraikan hasil kajian pengkaji terhadap 14 kes yang melibatkan 16 orang perogol dan 15 orang mangsa.

JADUAL 8 HUBUNGAN MANGSA DAN PEROGOL

Hubungan dengan mangsa	Bilangan	%
Tidak dikenali	4	25.0
Dikenali	12	75.0
JUMLAH	16	100.0

Daripada jadual diatas, didapati kebanyakan kes yang dilapurkan dilakukan oleh orang yang dikenali sebanyak 12 kes (75%). Ini berbeza dengan bilangan kes yang dilakukan oleh orang yang tidak dikenali iaitu sebanyak 4 kes sahaja (25%).

JADUAL 9 PECAHAN HUBUNGAN (PEROGOL YANG DIKENALI)

Yang dikenali	Bangsa			Jumlah
	M	C	I	
Bapa sendiri	2 (12.5%)	—	1 (6.25%)	3 (18.75%)
Bapa tiri	—	1 (6.25%)	—	1 (6.25%)
Bapa saudara	2 (12.5%)	1 (6.25%)	1 (6.25%)	4 (25.0%)
Kekasih	—	2 (12.5%)	1 (6.25%)	3 (18.75%)
Jiran	1 (6.25%)	—	—	1 (6.25%)
JUMLAH	5 (31.25%)	4 (25%)	3 (18.75%)	12 (75%)

Daripada 75% perogol yang dikenali, bilangan yang paling tinggi terdiri daripada bapa saudara dan didahului oleh bangsa Melayu iaitu 2 kes (12.5%) manakala bangsa Cina dan India pula masing-masing 1 kes iaitu 6.25%. Kategori yang kedua tinggi ialah bapa sendiri dan kekasih sebanyak 18.75%.

tiap satu. Dalam kategori bapa sendiri, didapati bangsa Melayu yang ramai melakukannya iaitu sebanyak 2 kes (12.5%) dan bangsa India hanya terlibat dalam satu kes sahaja (6.25%). Bangsa Cina paling tinggi keterlibatannya dalam kategori kekasih sebanyak 2 kes (12.5%) berbanding dengan bangsa India yang hanya satu kes sahaja (6.25%). Di kalangan bapa tiri hanya satu kes sahaja yang dilapurkan yang dilakukan oleh bangsa Cina manakala satu kes yang dilakukan oleh jiran terdiri dari kalangan bangsa Melayu.

Keseluruhan didapati bahawa di antara kategori-kategori tersebut, kategori yang paling ramai melakukan jenayah ini ialah bapa saudara 25% diikuti oleh bapa sendiri dan kekasih 18.75% dan 6.25% dilakukan oleh bapa tiri dan jiran. Diantara ketiga-tiga bangsa ini, bangsa Melayu didapati ramai yang terlibat didalam kes rogol ini sebanyak 31.25%. Bangsa Cina pula sebanyak 25% dan India hanya 18.75%. Jumlah keseluruhan bagi semua bangsa dari semua status/kategori ialah 75% daripada 100%. Lebihan 25% itu pula dilakukan oleh orang yang tidak dikenali.

Dari sini jelas menunjukkan bahawa setiap manusia itu bertendensi untuk melakukan jenayah tanpa mengira sama ada ayah, abang, pakcik atau jiran tetangga. Sekiranya faktor-faktor persekitaran ketika itu "membenarkan" perbuatan

devian maka penjenayah yang "desperate" akan mengenepikan nilai-nilai dalam masyarakatnya dan melanggar peraturan dalam agamanya.

"Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan".

(Surah al Yusuf: 53)

4.3 Ketagihan dan kaedah melakukan perogolan

Kajian yang telah dijalankan oleh ahli Psikologi mendapati perogol yang berusia didalam lingkungan umur 20an dekatakan sedang mengalami perkembangan pesat keinginan seks mereka. Mereka biasanya ingin mencuba melakukan hubungan seks sama ada ianya diperolehi dengan jalan yang dipersetujui oleh norma-norma dalam masyarakatnya atau sebaliknya. Apabila individu itu berjaya melakukannya dan dapat merasai nikmat/keseronokan daripada perbuatan devian itu, dia seolah-olah "ketagihan" untuk melakukannya lagi. Keadaan ini boleh digambarkan seperti seorang penagih dadah. Apabila "ketagihannya" sudah sampai kekemuncaknya, individu itu akan berusaha untuk memperolehinya sekalipun dia terpaksa menggunakan jalan yang "illegitimate".

Sekiranya usaha untuk memperolehi seks ini mendapat tentangan, dia akan menggunakan paksaan/ugutan atau mencari mangsa lain. Kaedah yang sering digunakan oleh perogol yang ketagihan ini biasanya ialah ugutan/paksaan. Ugutan ini merupakan ancaman yang akan mencederakan mangsa sekiranya mangsa tidak menurut kehendaknya. Kaedah ugutan ini menampakkan hasil yang baik di mana kebanyakan mangsa yang membuat pengaduan kepada Polis mengatakan mereka telah diugut setiap kali perogol ingin melakukan aktiviti itu. Kejadian rogol ugutan ini sering berlaku berkali-kali kerana perogol tahu dia telah dapat menguasai mangsa dengan menggunakan kaedah ugutan ini. Disamping menggunakan pil khayal seperti pil Up-John dan roche. Pil-pil ini mengandungi dadah yang berlebihan dan akan mengkhayalkan pemakannya.

Di bawah ini disentakan jadual yang menunjukkan anggaran kekerapan melakukan hubungan seks secara tidak sah itu.

JADUAL 10 KEKERAPAN MELAKUKAN HUBUNGAN SEKS

*Anggaran kekerapan	Bilangan	%
Kali pertama	4	25
2 - 5 kali	7	43.75
6 kali keatas	5	31.25
JUMLAH	16	100.00

* Anggaran kekerapan ini bukan merupakan nilai mutlak, mangsa hanya mampu menganggar "lebih kurang" sahaja.

Daripada jadual diatas, menunjukkan perogol yang paling ramai bilangannya telah melakukan hubungan seks dengan mangsanya sebanyak 2 - 5 kali sebelum kes dilapurkan kepada pihak Polis berjumlah 43.75%. Hanya 25% sahaja daripada perogol itu baru pertama kali melakukan hubungan seks dengan mangsanya. Dengan kata lain, daripada 16 orang perogol itu 12 orang telah melakukan hubungan seks beberapa kali (melebihi sekali). Keadaan ini menunjukkan perogol itu seperti "ketagihan" untuk melakukan hubungan seks lagi

setelah mereka mendapati ianya mendatangkan keseronokan.

Pengkaji juga cuba membuat satu kesimpulan bahawa kaedah ugutan dan kaedah pil digunakan dalam proses untuk memperolehinya. Dibawah ini disertakan jadualnya:

JADUAL 11 KAEDAH-KAEDAH YANG DIGUNAKAN

Kaedah	Bilangan	%
*Ugutan/ancaman	8	53.3
Pukau	1	6.7
Pil	6	40.0
JUMLAH	15	100.0

* meliputi semua jenis ugutan/ancaman yang menyerupainya sama ada ugutan berat atau ringan.

daripada 14 kes yang melibatkan 15 orang mangsa, didapati 40.0% daripada jumlah itu mengadu bahawa mereka telah diberi makan sejenis pil yang dikatakan "Panadol". Manakala terdapat 3 kes di mana mangsa mengadu selepas mereka minum air dan memakan roti ban , mereka merasa pening dan tidak sedar diri.

Berdasarkan jadual diatas, kaedah yang paling popular digunakan ialah ugutan/ancaman di mana ianya menyumbangkan 53.3% berbanding dengan penggunaan pil dan. Ini mungkin kerana pembekalan "alat" (diandaikan bahawa ugutan dan pil sebagai alat untuk "menakluki" mangsa) ugutan lebih mudah dan cepat diperolehi. Disamping itu kedua-dua kaedah ini tidak memerlukan "kemahiran" yang khusus. Dengan menggunakan kaedah ini, perogol hanya memerlukan kemahiran biasa sahaja iaitu ianya selari dengan kemahiran konvensional. Ini berbeza sekiranya perogol menggunakan kaedah pukau kerana perogol perlu mempelajari cara-cara memukau (memerlukan kemahiran khusus). Proses pembelajaran ini tentunya mengambil masa yang agak panjang.

Hasil kajian pengkaji , mendapati golongan yang paling banyak menggunakan kaedah ugutan/ancaman ialah golongan orang yang dikenali (bapa sendiri, bapa saudara, bapa tiri dan lain-lain). Penggunaan pil pula sering digunakan oleh perogol yang baru mengenali mangsanya.

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan, perogol yang dikenali ini terpaksa menggunakan kaedah yang paling mudah, tidak memerlukan kemahiran khusus dan tidak memerlukan pembekalan "alat" yang sofistikated. Jika diteliti, kebanyakan kes rogol berlaku di rumah. Maka diandaikan bahawa ketika ujudnya "kesempatan" itu, tempoh masa yang ada

sangat pendek dan dengan itu perogol terpaksa menggunakan apa sahaja kaedah yang mudah dan tidak mengambil masa yang lama/panjang. Pil misalnya mengambil masa yang agak lama sebelum ia boleh bertindakbalas sepenuhnya. Diantara kaedah-kaedah yang disebutkan tadi, kaedah ugutanlah yang menepati kehendak-kehendak perogol.

BAB 5 KESIMPULAN

Apabila tersebut sahaja perkataan ROGOL, masyarakat terutamanya kaum wanita semacam diserang rasa takut dan ngeri. Setiap perogol mempunyai motif yang berbeza-beza. Daripada perbezaan ini akan melahirkan darjah tingkahlaku yang berbeza kadarnya. Dengan ertikata lain, sekiranya perogol bertujuan kejam, maka tingkahlakunya keatas mangsa lebih bersifat ingin mencederakan mangsanya. Ini berbeza dengan perogol yang hanya bertujuan seks di mana untuk memperolehinya, perogol tidak memerlukan kekerasan. Biasanya perogol jenis ini hanya menggunakan cara lembut atau sekadar menunjukkan alat kelaminnya kepada bakal mangsa. Bagi mereka cara ini juga dapat memuaskan nafsu mereka.

Walau bagaimanapun apabila individu itu telah "dirasuk" oleh keinginan seks yang tinggi, mereka seolah-olah menjadi tidak normal dan tidak dapat menimbangkan atau memikirkan pandangan masyarakat. Malah mereka sanggup melanggar norma-norma dalam masyarakatnya.

Berpandukan Teori Kawalan Hirshi, menekankan seseorang individu itu tidak akan melakukan perbuatan devian sekiranya:-

- i) mereka memang tidak sanggup melakukan perbuatan devian kerana dia merasakan perbuatan itu tidak perlu dilakukan.
- ii) tidak mahu melibatkan diri dalam perbuatan devian.
- iii) tidak dapat melakukannya disebabkan:-
 - a) perasaan takut yang dialami oleh individu.
 - b) tidak mempunyai kemudahan atau kemahiran.

Bagi Merton pula dalam teorinya yang terkenal iaitu Teori Anomie lebih cenderung memfokuskan kepada "goals" dan "legitimate". Merton mensifatkan setiap individu mempunyai "goals" atau matlamat sendiri. Pada pandangan masyarakat semua matlamat itu boleh dicapai secara sah atau "legitimate" mengikut peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh masyarakat. Tetapi perlu diingatkan bahawa tidak semua individu mempunyai keupayaan yang sama untuk mencapai matlamat tersebut. Menurut Merton lagi, individu akan tertarik kepada perlakuan yang menyeleweng sekiranya mereka gagal mencapai matlamat atau kehendak secara sah. Apabila individu itu gagal mencapai kehendak secara

legitimate (jalan sahnya tertutup), dia akan mengubah corak perlakuannya dengan melakukan penyelewengan (jalan tidak sah terbuka). Ekoran daripada tingkahlaku penyelewangan ini, masyarakat akan meletakkan kesalahan pada individu itu sendiri:

".....that failure to achieve social goals is the fault of the individuals rather than the fault of the social system".

(Coklin J.E. 1981: 191)

Kegagalan mencapai "goals" dan tekanan daripada masyarakat akan menimbulkan satu ketegangan/"tension" dalam diri individu tersebut. Apabila darjah ketegangan meningkat ke tahap yang tinggi, individu akan berkecenderungan untuk melakukan perbuatan devian.

Dengan berpandukan Teori Kawalan Hirshi yang mengatakan pengaruh-pengaruh 4 elemen yang boleh menjadi pendorong kearah melakukan perbuatan devian ialah Pertalian (Attachment), Penglibatan (Commitment), Partisipasi (Involvement) dan Kepercayaan (Belief). Menurut teori ini, sekiranya keempat-empat elemen ini tidak kuat mengikat

individu dengan "social group" maka individu akan tertarik untuk melakukan jenayah. Ianya boleh dirujuk kepada Gambarajah 3 : Faktor-faktor pendorong perlakuan devian oleh Steven Box.

Apabila keempat-empat elemen ini telah menjadi lemah dan disertai dengan kerelaan individu melibatkan diri dengan perbuatan devian, individu semakin dekat kearah melakukannya. Dari peringkat "rela" melakukan perbuatan devian seseorang itu mula mempraktikkannya berdasarkan faktor-faktor kemudahan yang ada seperti kerahsiaan, kemahiran, pembekalan, sokongan sosial dan sokongan simbolik dan sasaran. Maknanya sekiranya "kerelaan" hendak ditransformasikan kepada perlakuan devian, maka mesti ada sesuatu yang mengabungkan antara faktor-faktor yang menyebabkan kerelaan dengan "situational temptation" yang sesuai.

1) Faktor kerahsiaan

Faktor ini merujuk kepada suasana/keadaan di mana perbuatan yang dilakukan dapat disembunyikan atau perbuatan itu tidak dilapurkan. Sekiranya perbuatan dilapurkankan, kemungkinan lapuran itu tidak akan dipercayai seperti pelacur. Perbuatan ini biasanya dilakukan ditempat-tempat

yang tertentu terhadap orang yang tertentu. Dari segi "kerahsiaan" tempat, didapati tempat yang paling selamat ialah di dalam rumah. Tempat-tempat lain seperti di kawasan lombong, estate, kereta, hotel dan sebagainya. Tempat-tempat ini mempunyai ciri-ciri yang sama di masa-masa tertentu:-

- i) agak terselamat daripada orang-orang yang tidak berkenaan dengannya.

(eg. jiran tiada di rumah, orang lain pergi kerja dan lain-lain)

Tempat ini menjadi pelindung kepada perogol.

Tempat ini biasanya "dikuasai" oleh perogol dan perogol merupakan orang yang dipercayai oleh mangsa (ahli keluarga & saudara sendiri)

- ii) masa yang sesuai

Keseluruhan kes dilapurkan berlaku waktu malam ketika orang lain tidur atau waktu pasangan itu "dating".

- iii) Lapuran mangsa yang diragukan.

Ada juga diantara perogol yang tidak takut sekalipun diugut oleh mangsa untuk membuat

aduan kepada Polis. Mangsa seperti pelacur atau wanita yang berpakaian seksi kerana diandaikan mangsa ini yang mencari "bala". Mangsa jenis ini sering menjadi sasaran utama.

2) Faktor kemahiran

Merogol dengan menggunakan ujutan (seperti hasil kajian pengkaji) tidak memerlukan kemahiran khusus. Kemahiran ini selaras dengan kemahiran konvensional. Kemahiran merujuk kepada 2 perkara:-

- a) kemahiran menggunakan alat
- b) kemahiran dalam melakukan sesuatu

3) Faktor sokongan

Faktor ini terbahagi kepada 2:-

i) Sokongan Sosial

Dimaksudkan dengan pergaulan dengan rakan-rakan yang telah terlibat dalam aktiviti penyelewengan. Sokongan Sosial ini boleh diberi secara direct oleh ahli-ahli masyarakat termasuk orang yang sama-sama melakukan perbuatan devian. Sokongan ini

sama ada secara sedar atau tidak disumbangkan oleh mangsa sendiri dengan memakai pakaian yang seksi dan tingkahlaku yang menggoda.

ii) Sokongan Simbolik

Sokongan ini tidak begitu ketara. Ia merujuk kepada idea, dapat dilihat melalui perlakuan individu yang terdedah kepada sokongan sosial yang mempunyai lambang-lambang (simbol) kegiatan jenayah secara abstrak. Sokongan ini dipakuatkan dengan adanya satu perkara yang disebut oleh ahli kaji jenayah sebagai "Techniques of Neutralisation" iaitu adanya alasan-alasan yang diberi oleh pelanggar norma tentang mengapa mereka melakukannya dan diterima oleh masyarakat.

Terdapat 5 jenis alasan:-

- 1) Denial of Responsibility
- 2) Denial of Injury
- 3) Denial of Victim
- 4) Condemnation of Condemners
- 5) Appeal of Higher Loyalties

4) Faktor sasaran

Merujuk kepada sasaran/mangsa yang mudah diperolehi termasuk mereka yang tidak akan melapurkan (buat lapuran tidak akan dipercayai eg. pelacur) dan sasaran yang tidak dilindungi (berjalan seorang diri di tempat-tempat sunyi dan gelap).

Kesemua faktor-faktor pendorong itu saling berkait antara satu sama lain. Ia merupakan intipati yang penting dalam pembentukan nilai dan sikap. Kedudukan ekonomi juga memainkan peranan penting sebagai pendorong perlakuan devian. Golongan yang biasanya melakukan perlakuan devian ini tergolong didalam golongan "low socio-economic status".

"....so called major crime are drawn predominantly from the ranks of those who have had education, who work at jobs that low in the hierarchy of occupations, who have relatively low incomes".

(Gresham M. Sykes: Crime and Society:96)

R.Merton menekankan soal sosio-ekonomi dari segi kelas sosial dalam masyarakat. Salah satu sebab individu tidak

dapat mencapai "goals", kerana taraf sosio-ekonomi yang rendah.

Social class -----> illegal behavior

(Cohklin J.E. 1981:197)

Daripada hasil-hasil maklumat yang diperolehi oleh pengkaji, dapatlah dirumuskan bahawa walaupun setiap manusia bertendensi untuk terjeremus/melakukan perbuatan devian tetapi ada faktor lain yang menghalangnya. Ahli-ahli kaji jenayah (Crininologists) mengemukakan teori-teori yang cuba menghuraikan mengapa hanya sebahagian manusia sahaja yang cenderung untuk melakukan perbuatan devian (melanggar norma-norma dalam masyarakat). Teori Kawalan oleh Hirshi menekankan kepada 4 elemen yang dikatakan boleh mempengaruhi pembentukan nilai dan sikap seseorang individu. R. Merton pula dengan Teori Anomienya yang menegaskan tentang "goals" dan "legitimate".

Manakala E. Sutherland pula mengemukakan Teori Differential Association mengatakan bahawa perbuatan jenayah itu dipelajari. Dalam pemerhatian individu itu mendapati dengan melakukan perbuatan itu, ganjaran yang memuaskan akan

diperolehi. Ganjaran inilah yang boleh mempengaruhi individu berkenaan.

"Criminal behavior is learned... Involve skills, codes and a definition, of the situations as appropriate, crime and deviance are learned in the same way as conventional behavior".

(Davis N.J. 1975 :134)

Proses pembelajaran ini dikatakan dipelajari sama seperti mempelajari tingkah laku konventional dalam masyarakat.

"When the criminal behavior is learned, the learning includes techniques of committing the crime.....and the specific directions of motives, drives, rationalization and attitudes".

(Davis N.J. 1975 :135)

Sehingga sekarang para Sosiologists masih mengkaji faktor-faktor sampingan yang terlibat didalam proses perbuatan devian termasuk juga kajian terhadap jenayah

rogol. Jenayah ini semakin lama semakin serius dan memerlukan penjelasan dan penyelesaian secara ilmiah daripada pakar-pakar Sosiologi. Adalah satu kesilapan yang besar sekiranya perbuatan devian itu dikatikan hanya dengan satu faktor sahaja. Sebelum sesuatu perlakuan devian itu dilakukan, ujudnya gabungan diantara faktor-faktor yang dijelaskan tadi seperti faktor fizikal, biologi dan persekitaran yang juga mempunyai kesan untuk mempengaruhi individu tersebut.

BIBLIOGRAFI

1. Albert J. Reiss, Delinquency as the failure of personal and social control. American Sociological Review, 16, No. 2 (April 1951).
2. A. Nicholas Groth, Men who rape. The Psychology of the Offender. Plenum Press, New York and London 1979.
3. Abdullah Taib, Asas-asas Antropologi. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1985
4. Conklin Joan E., Criminology. Mac Millan Publishing Co. Inc. New York, 1981.
5. Clinard Marshall B., Sociology of Deviant Behavior. Third Edition, Holt Rinehart and Winston Inc. 1968.
6. Cloward R.A., Delinquency and Opportunity. The Free Press, New York, 1960.
7. Davis Nannette J., Sociological Constructions of Deviance. Perspective and Issues in the field. W.M.C. Brow Company Publishers Dubuque, Iowa, 1977.
8. Dowes, David. Roch, Paul, Understanding Deviance. A Guide to the Sociology of Crime and Rule Breaking. Clarendon Press, Oxford University Press, New York, 1982.
9. Duncan Chappell, Robley Geis and Gilbert Geis Editors, The Crime, the Victim and the Offender. Colombia University of Chicago Press. Chicago and London, 1971.
10. Edwin Sutherland, On Analyzing Crime. The University of Chicago Press. Chicago and London, 1973.

11. Gibbon D.C., Delinquency Behavior. Prentice Hall Inc. Englewood Cliff, New Jersey, 1981.
12. Gresham M. Sykes, Crime and Society. College of Law University of Denver. Random House Inc. Second Edition.
13. Hirshi T., Causes of Delinquency. University of California Press, Berkely, California, 1969.
14. Lorenne M.G., Clark and Debra J. Lewis, Rape, The Price of Coercive Sexuality. Women's Educational Press, Toronto, Ontario, Canada, 1977.
15. Matza David, Delinquency and Drift. New York, Wiley. 1964.
16. Marcia J. Walker and Stancey L. Brodsky, Sexual Assault. The Victims and the Rapist. Lexington Book, D.C. Heath and Company, Lexington, Massachusetts, Toronto and London.
17. Menachem Amir, Patterns in Forceable Rape. The University of Chicago Press.
18. Nettler G., Explaining Crime. Second Edition. M.C. Graw-Hill Co. 1978.
19. Richard A. Cloward and Lloyd E. Ohlin, Delinquency and Opportunity. New York Free Press 1960.
20. Robert K. Merton, Social Theory and Social Structure. New York Free Press 1949.
21. Ruth S. Cavan, Criminology. New York, Crowell 1952.
22. Stephen Schafer, Introduction to Criminology. The Reston Publishing Company Inc. Virginia, 1976.
23. Steven Box, Deviance, Reality and Society. Holt Rinehart and Winston Ltd. London, 1975

Rujukan lain.

1. MASTIKA, Utusan Malaysia Berhad, Disember 1986
2. KELUARGA, Amir Enterprise Sdn. Bhd. September 1987
3. NONA, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd. April 1988

Rujukan Latihan Ilmiah lain.

1. Mariani bt. Mansor, Kelonggaran ikatan Sosial dan jenayah juvana 1984/85.
2. Nazariah bt. Mohd Natri, Deviant: Satu kajian kes latar-belakang banduan dan banduanita di Penjara Sungai Jelok, Kajang, 1986/87/

rmk/89